


**Jilid I  
Bil. 33**



**MALAYSIA**

**Hari Rabu  
29hb November, 1978**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament***

**PENGGAL PERTAMA  
*First Session***

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 3214]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 3239]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:**

**Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—**

**Jadual—**

**Maksud B. 45, B. 46 dan B. 47 [Ruangan 3240]**

**Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50 [Ruangan 3281]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1979:**

**Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—**

**Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 [Ruangan 3240]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL**, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN**, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATUK LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM**, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, **DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH**, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI**, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF**, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD**, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AI-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM**, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK MUSA BIN HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS**, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD**, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN**, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG** (Taiping).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri. TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

- Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).**
- „ **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).**
- „ **TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).**
- „ **TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).**
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).**
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).**
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).**
- „ **TUAN P. PATTO (Menglembu).**
- „ **TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).**
- „ **DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).**
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).**
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).**
- „ **TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).**
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).**
- „ **TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).**
- „ **DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).**
- „ **DR TAN TIONG HONG (Kepong).**
- „ **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- „ **TUAN TING CHEK MIN (Bruas).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).**
- „ **DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).**
- „ **TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).**
- „ **PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).**
- „ **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**
- „ **TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).**
- „ **TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).**

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 29hb November, 1978
 

---

*Mesyuarat d'mulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PEGAWAI MUDA DI  
DAERAH-DAERAH**

1. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak pegawai-pegawai muda yang berkelayakan di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan mempunyai kurang pengalaman dalam melaksanakan projek-projek pembangunan di luarbandar. Mereka sepatutnya mendapat pengaaman di peringkat daerah dan bukan di peringkat Kementerian supaya boleh menyelaraskan kerja-kerja yang terbengkalai semasa Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga yang mana mereka adalah bertanggungjawab. Samada Kerajaan bersedia menjayakan dasar ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar-dasar menempatkan pegawai-pegawai muda yang berkelayakan ke peringkat daerah sememangnya sedang dijalankan oleh Kerajaan pada masa sekarang ini.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat tentu telah termaklum bahawa demi kepentingan dan keperluan perjawatan keseluruhannya tiada kesemuanya pegawai-pegawai muda dapat ditempatkan di negeri-negeri untuk mendapat pengalaman di peringkat daerah. Di samping itu haruslah disedari bahawa jawatan-jawatan di peringkat daerah itu adalah kurang dari jawatan-

jawatan di peringkat Kementerian. Oleh yang demikian, adalah mustahil bagi semua pegawai-pegawai yang berkhidmat di peringkat Kementerian diberi pengalaman pentadbiran daerah ataupun pentadbiran pembangunan di peringkat daerah. Tambahan pula setengah-setengah negeri mempunyai pegawai-pegawai negeri masing-masing (State Civil Service). Bagi negeri-negeri tersebut, pegawai daripada Kerajaan Persekutuan tidaklah dapat ditempatkan di daerah-daerah negeri itu.

Sebenarnya, dasar Kerajaan sekarang dari segi pentadbiran kakitangan terutama sekali di dalam bidang pelaksanaan projek-projek pembangunan ialah bahawa pegawai-pegawai yang melaksana dan menyelaraskan rancangan-rancangan pembangunan di peringkat daerah dan peringkat negeri mestilah mempunyai pengalaman tertentu, berkelayakan dan terlatih untuk menjamin bahawa rancangan-rancangan pembangunan negara di peringkat akar-umbi akan berjaya dengan sepuh-penuhnya. Pada waktu ini langkah-langkah sedang diambil untuk mempesatkan perkembangan rancangan-rancangan latihan terutama di dalam bidang perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan dari segi ini tumpuan diberikan kepada latihan praktikal di Instituit Tadbiran Awam Negara atau INTAN. Umpamanya, di dalam latihan pegawai-pegawai muda P.T.D. yang memakan masa 6 bulan bagi pegawai-pegawai dalam percubaan dan setahun bagi pegawai-pegawai kedet, latihan praktikal di peringkat daerah adalah dimestikan.

**LEMBAGA PERPADUAN  
NEGARA**

2. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Lembaga Perpaduan Negara akan memesatkan lagi rancangannya di bandar-bandar dan kawasan-kawasan di mana rakyat Malaysia yang

berbilang kaum tinggal bersama seperti di Kawasan Parlimen Padang Serai memandangkan peranan yang dimainkan oleh Lembaga ini sangat berkesan dalam memupuk perpaduan kaum.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah menjadi hasrat dan tujuan Lembaga Perpaduan Negara untuk memesatkan lagi rancangan-rancangan yang sedang dijalankan olehnya sekarang ini, bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbagai keturunan di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi dari Padang Serai itu bahawa pada masa ini terdapat 26 buah bandar yang terlibat dalam Rancangan Perhubungan Masyarakat yang dijalankan oleh Lembaga Perpaduan Negara, dan ianya akan diperluaskan dalam masa beberapa bulan lagi sehingga menjadikan kesemua bandar yang terlibat mencapai bilangan sebanyak 47 buah bandar pada tahun 1979.

Dalam hal ini keutamaan akan diberikan kepada bandar-bandar yang ramai bilangan penduduknya. Walau bagaimanapun, Lembaga Perpaduan Negara akan berusaha meluaskan rancangan ini supaya pada akhirnya ia akan juga meliputi bandar-bandar kecil yang lain dan ini termasuklah juga bandar Padang Serai seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

## TARIKH PUASA DAN HARI RAYA

**3. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (di bawah S.O. 24 (2))** minta Perdana Menteri menyatakan samada bahagian agama di Jabatan Perdana Menteri akan membuat penyesuaian dengan lain-lain negara Islam terutama anggota-anggota ASEAN dalam menentukan tarikh mula berpuasa dan Hari Raya Aidilfitri oleh kerana orang-orang Islam tidak dapat membuat persediaan yang sempurna untuk merayakan Hari Raya yang lalu.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri memang bercadang untuk mengadakan pertemuan antara negara-negara Islam, terutama anggota-anggota ASEAN untuk membincangkan cara-cara menentukan tarikh mula

berpuasa dan Hari Raya. Untuk tujuan ini pertemuan awal insya Allah akan diatur di antara pihak berkenaan iaitu Singapura, Indonesia dan Malaysia.

Bagi tujuan ini, Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri telahpun menghantar satu rombongan seramai 3 orang yang terdiri daripada Yang Berhormat Datuk Mufti Wilayah Persekutuan, Ketua Jabatan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia dan Tuan Haji Mohd. Khir bin Haji Taib, seorang ahli falak Islam ke Seminar Ahli-ahli Sains Islam di Istanbul, Turki pada 25 hari-bulan ini.

Seminar ini bertujuan antara lain, membincangkan cara-cara penetapan Hari Raya, perayaan di dalam Islam dan cara menentukan Hari Raya dan mula berpuasa. Hasil daripada Seminar ini adalah diharapkan dapat membantu cadangan Bahagian Agama di dalam Jabatan Perdana Menteri ini mengadakan pertemuan dengan negara-negara Islam khususnya di antara negara-negara ASEAN. Walau bagaimanapun, apa-apa cadangan yang berkaitan dengan penetapan awal puasa dan Hari Raya hendaklah dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Majlis Raja-raja Melayu.

## PUSAT PEMULIHAN DADAH

**4. Puan Yong Fatimah binti Md. Razali** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan memandangkan bertambahnya bilangan penagih dadah, sama ada Kerajaan akan membina lebih banyak lagi pusat-pusat pemulihan dadah di tiap-tiap Negeri dan apakah langkah yang akan diambil ke atas penagih-penagih dalam rawatan yang telah lari dan juga mereka yang masih tinggal di pusat-pusat tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian saya mempunyai tiga buah Pusat Pemulihan Dadah iaitu di Bukit Mertajam bagi 100 orang penghuni, Kuala Kubu Bharu bagi 220 orang penghuni dan Tampoi bagi 100 orang penghuni. Kerja-kerja sedang dijalankan bagi membesarkan Pusat Pemulihan Dadah di Kuala Kubu Bharu untuk menampung 300 orang penghuni. Sebuah lagi Pusat Pemulihan Dadah di Besut yang

boleh menampung seramai 133 orang penghuni sedang dibina dan dijangka siap tidak lama lagi, dan tindakan akan diambil untuk membesarkan Pusat itu supaya boleh menerima 300 orang. Selain daripada itu, Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk membina dua buah lagi Pusat Pemulihan Dadah yang baru iaitu di Johor dan Kedah masing-masing boleh menampung seramai 300 orang penghuni.

Bagi mengulasnya, Kementerian saya sekarang hanya mentadbirkan tiga buah Pusat Pemulihan Dadah sahaja yang boleh menampung 420 orang penghuni dan apabila siap kesemua Pusat-pusat Pemulihan yang saya sebutkan tadi, Kementerian saya akan mempunyai enam buah Pusat Pemulihan Dadah yang boleh menampung sejumlah 1,400 orang penghuni.

Buat masa ini tidak ada rancangan untuk mendirikan sebuah pusat bagi tiap-tiap negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sedang bekerjasama erat dengan badan-badan sukarela terutama sekali PEMADAM bagi menambahkan kemudahan-kemudahan pemulihan seperti Pusat-pusat Harian dan Rumah-rumah Perantaraan untuk membantu penagih-penagih dadah.

Penghuni yang melarikan diri dari Pusat Pemulihan Dadah semasa menjalankan pemulihan dadah adalah dianggap melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 25 (1) Ordinan Dadah Berbahaya, 1952. Apabila ditangkap oleh Polis, pelari itu akan dibawa ke mahkamah dan boleh dihukum denda tidak melebihi \$5,000 atau dipenjarakan sehingga dua tahun atau dijatuhkan hukuman kedua-duanya denda dan penjara mengikut Seksyen 39 Ordinan yang sama.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya sungguh terperanjat apabila mendengar hingga peringkat ini hanya ada 3 buah Pusat Pemulihan Penagih Dadah di Malaysia. Adakah ini bererti bahawa Kerajaan masih menganggap bahawa masalah penagih dadah di Malaysia tidak serius, maka Kerajaan tidak akan mencadangkan bahawa tiap-tiap negeri sekurang-kurangnya diadakan sebuah Pusat Pemulihan Dadah ini untuk menyelamatkan pemuda-pemuda kita daripada terjerumus ke dalam keadaan yang begitu serius ini?

**Tuan Patrick Anek Uren:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar masalah ini adalah masalah serius, tetapi kita tidak ada

pelan untuk buat pusat bagi tiap-tiap negeri sekarang. Langkah sekarang adalah seperti saya sebutkan tadi iaitu untuk menambahkan pusat-pusat ini supaya dapat menampung 1,400 orang penghuni apabila semua pusat disiapkan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi untuk menambahkan Pusat-pusat Pemulihan Penagih Dadah ialah dengan cara tidak langsung mengharapkan supaya penagih dadah itu bertambah banyak dan ramai. Jadi bagaimana keadaannya sekarang, adakah penagih dadah yang masuk ke Pusat itu bertambah ataupun makin kurang?

**Tuan Patrick Anek Uren:** Tuan Yang di-Pertua, senarai orang yang minta masuk sekarang adalah bertambah. Mengenai kesan sama ada orang yang telah dipulih dalam Pusat ini akan beransur baik ataupun menambah keadaan baik terhadap masalah tersebut ini belum lagi dapat kita kesan dengan tepatnya.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sepertimana yang diberitahu oleh Setiausaha Parlimen berkenaan tadi bahawa bilangan penagih-penagih dadah menunggu dirawat itu bertambah dan juga beliau telah menyebutkan tidak ada rancangan untuk menambah Pusat-pusat Pemulihan Dadah, adakah pihak Kementerian beliau bercadang semasa menyemak semula Rancangan Malaysia Ketiga ini untuk membuat perakuan-perakuan atau cadangan-cadangan supaya Pusat-pusat Pemulihan Dadah ini ditambahkan?

**Tuan Patrick Anek Uren:** Ya.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya merasa kesal bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengakui bahawa masalah penagih dadah dihadapi oleh Malaysia adalah sangat serius tetapi pihak Kementerian masih tidak bercadang untuk mencari jalan bagaimana mendirikan lebih banyak Pusat-pusat Pemulihan Dadah di tiap-tiap negeri sekurang-kurangnya satu unit. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini bilakah Kerajaan akan menyiapkan Pusat-pusat Pemulihan Dadah sekurang-kurangnya satu unit di tiap-tiap negeri? Bolehkah

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi satu target date untuk pengetahuan Dewan ini?

**Tuan Patrick Anek Uren:** Seperti saya sebut tadi tidak ada rancangan begitu.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu ada atau tidak pihak yang berkenaan menyimpan rekod bahawa penagih-penagih dadah yang telah keluar daripada Pusat itu mengulangi balik menghisap dadah, dan kalau ada mereka yang telah keluar dan masuk balik kali yang kedua, adakah rawatan yang akan diberi itu serupa dengan rawatan yang pertama atau pun dengan bentuk yang lain?

**Tuan Patrick Anek Uren:** Tidak begitu dengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba ulang lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Ada atau tidak pihak yang berkenaan menyimpan rekod bahawa penagih-penagih yang sudah keluar daripada Pusat ini masuk balik kali yang kedua setelah ditangkap dan kalau ada yang masuk balik, adakah pihak Pusat ini akan memberi rawatan serupa dengan rawatan pertama ataupun dilakukan dengan tindakan yang lain?

**Tuan Patrick Anek Uren:** Bila seseorang yang dalam rawatan pemulihan di Pusat ini melakukan kesalahan seperti melarikan diri dan seseorang itu ditangkap kelak, sebelumnya diberi rawatan pemulihan semula, seseorang itu akan dikenakan denda mengikut seksyen yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa apabila semua rancangan siap, barulah ada tempat untuk 1,400 orang dalam Pusat Pemulihan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa peruntukan ini sangat kurang daripada keperluan apabila dipandang daripada data bahawa lebih kurang 200,000 orang pemuda-pemudi di negara kita adalah penagih dadah dan kalau kita mahu mencegah jenerasi yang baru menjadi satu jenerasi 'zombies'—istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri—kita perlu dengan segera

(sense of urgency) menubuhkan lebih banyak Pusat Pemulihan supaya lebih ramai pemuda-pemudi yang terlibat boleh dapat treatment?

**Tuan Patrick Anek Uren:** Tuan Yang di-Pertua, masalah penagih dadah ini bukanlah satu masalah sendiri. Masalah ini adalah dua bentuk.

Satu, pengedaran dadah. Jadi Kerajaan menghadapi kedua-dua masalah ini.

Satu, untuk mengurangkan dadah yang diedar di negara kita sebagai satu "nip in the bud" kepada masalah tersebut. Dan penagihan ini adalah seperti sekarang sebagaimana diketahui ramai bahawa ramai muda-mudi telah didapati menagih. Tetapi untuk mendirikan satu pusat pemulihan dadah, ini memerlukan belanja yang besar. Sepertimana yang saya sebutkan tadi untuk membina 6 buah pusat yang tersebut di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, tiap-tiap satu pusat ini memerlukan sekurang-kurangnya \$3 hingga \$4 juta. Jadi Kerajaan sedar bahawa masalah ini adalah satu masalah yang besar terhadap negara kita bahkan dianggap mengikut tindakan yang sedang diambil sekarang, kita dapat menghadapi masalah ini.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini sedar bahawa menambah lagi pusat-pusat pemulihan dadah itu adalah menggembarakan pengedar-pengedar dadah. Kerana semakin banyak pusat pemulihan dadah di dalam negara ini, semakin banyak penagih-penagih dadah dan semakin majulah pasaran dadah dalam negara kita secara tidak langsung di mana negara kita menjadi sebuah negara yang menggalakkan pengedaran dadah secara resmi yang digalakkan pula oleh Kerajaan dengan pusat-pusat pemulihan.

**Tuan Patrick Anek Uren:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu mengeluarkan buah fikirannya sendiri.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, dalam kita hendak memulih penagih-penagih dadah ini bukan sahaja tempat yang mesti disediakan tetapi kita juga terpaksa melatih pegawai-pegawai yang hendak berkhidmat di pusat-pusat itu dengan

berkesan dan teliti. Apakah langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian ini untuk melatih mereka yang hendak bekerja ataupun berkhidmat di pusat-pusat pemulihan dadah ini.

**Tuan Patrick Anek Uren:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bukan kita mengadakan pusat pemulihan sahaja, kita akan melatih pegawai-pegawai supaya dapat ditempatkan di dalam pusat-pusat ini. Dalam rancangan sekarang ini, kita tidak dapat membuat rumah pemulihan hari ini dan juga untuk memasukan penagih itu. Kerana satu-satu rancangan itu memerlukan pusat itu dibina dan juga latihan serentak diberikan kepada pegawai dan kakitangan untuk melengkap pusat ini.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Soalan tambahan. Dari keterangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyatakan ada di antara murid-murid sekolah yang terlibat dengan dadah. Soalan saya, adakah murid-murid sekolah ini juga terlibat dengan pedaran dadah.

Yang kedua, soalan saya adakah sama hukumannya di antara murid sekolah yang terlibat dengan penagih dadah yang bukan murid sekolah ertinya orang dewasa.

**Tuan Patrick Anek Uren:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebut bahawa ada murid-murid sekolah yang terlibat.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah ada satu keadaan, satu tugas emergency yang amat mustahak dan perlu dijalankan oleh Kerajaan ialah pada satu pihak Kerajaan mengakui bahawa masalah penagih dadah adalah sangat serius di Malaysia tetapi pada pihak yang lain, dia kata tidak ada cadangan untuk mahu menambah atau mengadakan lebih banyak pusat-pusat pemulihan dadah untuk menyelamatkan rakyat kita daripada lebih seriusnya terjerumus dalam keadaan yang serupa ini.

Maka bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini dengan bilangan lebih 200,000 pemuda-pemudi yang terlibat di dalam penagihan dadah ini, bagaimanakah Kerajaan boleh menyelamatkan mereka dengan memberikan satu

rawatan yang emergency supaya mereka tidak akan dilanjutkan atau diizinkan untuk menagih dadah dengan lebih serius lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini hendak bersyarahkah atau hendak bertanya?

**Tuan Chan Teck Chan:** Hendak bertanya kerana ini sangat serius.

**Tuan Patrick Anek Uren:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebut tadi bahawa seramai 200,000 orang penagih dadah sekarang ada di negara kita.

Kedua, kedudukan sekarang ialah kalau kita hendak buat "crash-programme" untuk mengambil semua kalau angka Ahli Yang Berhormat itu benar 200,000 orang, pertamanya tempat tidak ada, orang yang terlatih tidak ada. Sebenarnya sekarang penagihan dadah ini adalah satu masalah yang baharu kepada negara.

Kita belum lagi pasti bahawa tindakan yang kita ambil sekarang adalah satu-satunya tindakan yang benar-benar tepat untuk merawat mereka.

Ketiga, pemulihan ini seperti saya sebutkan awal tadi, memerlukan belanja dan tempat. Jadi dalam pandangan Kementerian, tindakan adalah diambil sekarang sejajar mengikut keadaan dan kemampuan.

## HARGA BUAH-BUAH TEMPATAN

**5. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar bahawa mereka yang di dalam golongan pendapatan rendah tidak mampu membeli buah-buah tempatan memandangkan harganya adalah terlalu tinggi dan sama ada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk menurunkan harga buah-buah tempatan seperti memberikan lebih lagi tanah kepada mereka yang menanam buah-buahan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mengenai hal ini. Kenaikan harga buah-buahan adalah disebabkan kenaikan harga barang makanan keseluruhannya. Sungguhpun kenaikan ini mungkin menyusahkan sebilangan pembeli, tetapi kita mesti sedar bahawa ini adalah berfaedah untuk petani-petani yang tidak

mempunyai sumber pendapatan yang lain kerana memandangkan taraf hidup yang telah meningkat dari masa-masa lalu.

Harga petunjuk makanan daripada tahun 1972 hingga 1977 pada keseluruhannya meningkat sebanyak 12% setahun tetapi buah-buahan termasuk beberapa jenis pisang, nenas, orange, ciku dan lain-lain lagi meningkat harga 11% setahun sahaja.

Manakala buah-buahan seperti tembikai, betik, pisang, nenas Sarawak cuma meningkat 6% sahaja setahun dari jangka masa 1973-1977.

Salah satu dari langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini ialah dengan memperbaiki sistem pasaran dengan mengedarkan buah-buahan dari kawasan yang banyak ke kawasan yang kurang bekalan buah-buahnya. Selain dari itu petani-petani juga digalakkan menanam buah-buahan tempatan yang mempunyai pasaran yang baik.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat ini, Kementerian Pertanian mempunyai rancangan untuk mengeluarkan banyak lagi buah-buahan tempatan.

Mengenai pemberian tanah untuk menanam buah-buahan itu terpulanglah di atas persetujuan antara negeri masing-masing dengan Jabatan Pertanian yang berkenaan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini samada salah satu daripada sebab-sebab mengapa harga buah-buahan tempatan telah melambung naik dalam masa yang lampau ini, iaitu pekebun-pekebun yang menanam buah-buahan terpaksa menyewa ataupun pajak tanah yang dipunyai oleh orang-orang yang tidak mengerjakan tanah itu dan kerana itulah mereka terpaksa menaikkan harga whole sale buah-buahan mereka.

Kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa soal tentang pemberian tanah adalah terletak di antara Kerajaan Negeri dan Jabatan Pertanian. Ingin saya tahu apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pertanian dalam soal mengesa Kerajaan-kerajaan Negeri supaya memperuntukkan tanah-tanah bagi pekebun-pekebun yang khasnya menanam dan mengeluarkan buah-buahan tempatan.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Kementerian Pertanian cuma menggalakkan tanaman buah-buahan dan soalan tanah itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri, Kementerian saya tidak dapat mengesa Kerajaan Tempatan dalam perkara ini. Mengenai kenaikan harga buah-buahan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu disebabkan sewa tanah terlampau tinggi, saya tidak sedar akan perkara ini dan saya mengambil perhatian supaya mana yang dapat dijalankan saya akan jalankan.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili kawasan pedalaman dekat sempadan dan penduduk-penduduk di kampung saya merungut kerana harga buah-buahan yang mereka jual ke pasar terlampau murah, misalnya, harga buah durian cuma \$1 lebih, harga ciku cuma 3 sen sebiji dan harga langsung cuma \$5 sepokok. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apakah jalan-jalan atau langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kementerian ini melalui FAMA untuk menyekat orang-orang tengah daripada membeli dengan harga yang murah daripada penduduk kampung dan menjual dengan harga yang mahal kepada penduduk-penduduk di bandar.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara FAMA telah menghantar transport untuk mengedarkan buah-buahan itu daripada tempat yang berkenaan ke tempat-tempat lain yang kurang buah-buahan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mewakili kawasan saya iaitu terdapat bukan sahaja harga buah-buahan murah, tetapi ada yang menjual buah-buahan itu tidak mendapat pasaran untuk barang yang ditanam oleh mereka. Jadi saya bertanya sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Grik, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Mungkin dalam negeri Sarawak kerana infrastruktur sangat berkurangan.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri

Pertanian ada menyatakan bahawa kenaikan harga buah-buahan tempatan itu adalah mustahak untuk memberi faedah kepada petani-petani, tetapi seperti yang ternyata dan pada hakikatnya yang berlaku bukan yang mendapat faedah itu petani-petani, tetapi orang-orang tengah sedangkan kegiatan daripada FAMA untuk menjaga atau menstabilkan pasaran buah-buahan tempatan ini tidak meluas dan oleh kerana yang demikian, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu menjawab soalan yang mula tadi pasti benar-benar bahawa yang mendapat untung itu ialah petani-petani dan apakah beliau tidak sedar bahawa kegiatan FAMA itu sendiri adalah terbatas dan adakah beliau tidak sedar bahawa usaha-usaha FAMA untuk mengambil dan mengedarkan buah-buahan tempatan itu juga tidak menyeluruh dan bagaimanakah beliau mengatakan bahawa kenaikan harga barang-barang ini memberi faedah kepada petani dalam keadaan yang demikian.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** kegiatan petani-petani itu saya rasa telah diselamatkan oleh Kementerian ini dengan memberi segala pertolongan kepada petani-petani, itu sahaja yang Kementerian ini boleh buat sekarang.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dari segi kesihatan tentu rakyat Malaysia akan digalakkan memakan lebih banyak buah-buahan tempatan, juga ini adalah selaras dengan kempen Kerajaan yang mencadangkan supaya makan lebih banyak buah-buahan tempatan. Tetapi bagaimanakah Kementerian yang berkenaan akan menjalankan satu projek atau rancangan di mana rakyat Malaysia boleh memakan buah-buahan tempatan dengan harga yang murah tanpa menjejaskan kedudukan ekonomi kaum penanam buah-buahan tempatan.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Saya rasa saya telah jawab pertanyaan seperti itu apabila saya mengatakan Kementerian Pertanian mempunyai perancangan untuk mengeluarkan lebih banyak lagi buah-buahan tempatan.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan

Menteri sama ada pihak Kementerian mempunyai kuasa melalui agensi-agensi di bawah Kementerian bagi menentukan kos harga buah-buahan tempatan ini untuk dijual di pasaran biasa, sebab ini banyak sangat terlibat kepada penduduk-penduduk dalam kawasan saya tidak mempunyai tanah, kebanyakan bersetingan, tidak ada tempat hendak menanam pokok buah-buahan.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil perhatian dalam perkara ini.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menjawab soalan saya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengatakan bahawa apa yang boleh dibuat oleh Kementerian ialah menolong petani-petani. Apakah yang ditolongnya kalau sekiranya keadaan tidak berubah, keadaan di mana dalam pasaran itu masih lagi yang mendapat untungnya ialah orang tengah. Adakah pihak Kementerian mengaturkan rancangan yang berkesan untuk meluaskan lagi kegiatan-kegiatan FAMA ini sehingga ke daerah-daerah merata ke seluruh daerah demi untuk kepentingan petani-petani daripada kenaikan harga buah-buahan tempatan itu.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, bahagian FAMA telah mengambil langkah untuk mengatasi perkara ini untuk mencegah orang-orang tengah itu mengambil untung terlampau besar dari petani-petani.

## KECEMARAN AIR SUNGAI

**6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar telah ada sebanyak 42 batang sungai telah tercemar sehingga menyebabkan kegelisahan penduduk yang tinggal di tepi sungai tersebut kerana tidak lagi mendapat bekalan air untuk minum dan mandi, dan yang paling bahaya lagi semua hidupan di dalam sungai tersebut telah mati. Jika sedar, apakah langkah beliau bagi mengatasi segera kecemaran yang tersebut.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Clarence E. Mansul):**

Tuan Yang di-Pertua, ya saya sedar sebanyak 42 buah sungai telah mengalami pencemaran yang teruk dengan sebab-sebab utama oleh pelepasan dari kilang-kilang kelapa sawit dan getah. Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya atas nasihat Majlis Kualiti Alam Sekeliling telahpun mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk tujuan mengawal pencemaran. Langkah-langkah yang dimaksudkan ialah dengan mengadakan peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut :

- (i) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premise yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) tahun 1977.
- (ii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premise yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) tahun 1978.
- (iii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian).

Peraturan-peraturan bagi pelepasan-pelepasan Minyak Kelapa Sawit dikuatkuasakan mulai 1hb Julai, 1978. Peraturan-peraturan bagi pelepasan getah telah dikemukakan untuk diwartakan. Peraturan-peraturan bagi Kumbahan dan Pelepasan perindustrian akan diwartakan tidak berapa lama lagi untuk dikuatkuasakan. Dengan pelaksanaan Peraturan-peraturan tersebut semua kilang-kilang kelapa sawit, getah dan perindustrian-perindustrian yang lain dimestikan untuk mengolah pelepasan-pelepasan supaya mematuhi standard-standard yang dikehendaki. Sebaik sahaja peraturan-peraturan kawalan dilaksanakan sepenuhnya adalah dijangka pencemaran-pencemaran akan dapat diatasi dan seterusnya dapat diperbaiki secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa.

Untuk mencapai tujuan ini Peraturan-peraturan tersebut perlulah dikuatkuasakan dengan tegas dan ini tentulah sekali memerlukan kakitangan-kakitangan yang mencukupi. Dalam hubungan ini 66 jawatan teknikal telah diluluskan bagi tahun 1978 dan 6 jawatan tambahan bagi tahun 1979. Setakat ini 40 jawatan telahpun dipenuhi. Dengan pengisian jawatan-jawatan tersebut

Bahagian Alam Sekitar akan dapatlah menjalankan langkah-langkah penguatkuasaannya ke atas peraturan-peraturan yang baru berkuatkuasa ini dengan berkesan.

**UNDANG-UNDANG BURUH**

**7. Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau akan menimbang menarik balik pindaan kepada Rang Undang-undang yang telah dikemukakan kepada Undang-undang Buruh pada 9hb Oktober, 1969 dan menentukan keadaan asal seperti sedia kala oleh kerana keadaan darurat telah pulih.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Undang-undang Buruh yang dibuat pada 9hb Oktober 1969, yang kemudiannya telah diluluskan oleh Parlimen, adalah bertujuan untuk menambatkan peluang-peluang pekerjaan. Adalah tidak benar jika dikatakan bahawa pindaan-pindaan yang dibuat pada tahun 1969 itu hanya bertujuan untuk mengatasi keperluan-keperluan semasa Darurat sahaja, sebaliknya terdapat beberapa peruntukan di dalam pindaan-pindaan tersebut yang mempunyai kaitan dengan keperluan negara seluruhnya. Walau bagaimanapun, semenjak 1969, beberapa pindaan kepada Undang-undang Buruh telahpun diperbetulkan dari semasa ke semasa. Mengenai kedudukan Undang-undang Buruh pada keseluruhannya, Kementerian saya telah menjalankan perbincangan-perbincangan dengan wakil-wakil dari Majlis-majlis dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia untuk membincangkan cadangan-cadangan pindaan terhadap Akta-akta Buruh itu.

Cadangan-cadangan ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan tidak berapa lama lagi, dan jika difikirkan perlu, pindaan-pindaan kepada Undang-undang Buruh itu akan dikemukakan kepada Dewan ini kelak.

**MAKTAB LATIHAN PERGURUAN**

**8. Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru pelatih di kolej-kolej atau institut-institut latihan perguruan dan angka pecahan mengikut kaum

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang sama telah diberi tatkala menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Yang Choong Fu pada 24-11-1978.

### PENUNTUT-PENUNTUT DI UNIVERSITI

**9. Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran

- (i) jumlah bilangan permohonan untuk memasuki ke lima buah universiti di Malaysia dan bilangan permohonan untuk tiap-tiap sebuah Universiti pada tahun 1978; dan
- (ii) berapa orang penuntut-penuntut yang telah diterima masuk ke Universiti-universiti dan bilangan untuk tiap-tiap sebuah Universiti dan angka pecahan mengikut bangsa. Sila sebutkan sama ada kemasukan penuntut-penuntut ditentukan adalah mengikut komposisi kaum di negara kita.

**Tuan Haji Salleh Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mengetahui bilangan permohonan untuk memasuki Universiti-universiti kita serta bilangan yang berjaya, Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada jawapan saya kepada soalan yang dikemukakan di Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 10-10-1978 yang lalu.

Sayugia dimaklumkan bahawa bagi permohonan yang diproses oleh Unit Pusat Universiti, pecahan mengikut universiti-universiti tidak dapat diberi kerana calon-calon diberi peluang memilih universiti-universiti dan kursus-kursus mengikut pilihan masing-masing.

Pengambilan ini adalah mencerminkan komposisi kaum dalam masyarakat pelajar di peringkat pelajaran tinggi di dalam dan di luar negeri. Pengambilan ini juga bertujuan menyusun semula masyarakat iaitu masyarakat orang-orang yang terpelajar dalam negara seperti dikehendaki di bawah Dasar Ekonomi Baru.

### TAPAK PERUMAHAN ATAS BEKAS LOMBONG

**10. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah men-

jadi dasar Kerajaan untuk meratakan tanah yang berbukit dan berlopak-lopak akibat perlombongan apakala tanah tersebut hendak dijadikan kawasan perumahan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menetapkan dasar yang tertentu dalam hal ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah menjadi satu perkara yang semula jadi bahawa tanah bekas lombong perlu diratakan sebelum dapat digunakan sebagai tapak perumahan.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan apakah langkah-langkah positif bagi memajukan tanah-tanah lombong yang terbiar yang ditinggalkan bagi memajukan rancangan perumahan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu tanah bekas lombong pernah digunakan sebagai tapak perumahan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Biasanya tapak tersebut ditimbus dan diratakan sebelum pembinaan dijalankan. Rumah-rumah yang dibina ialah rumah-rumah pangsa 4 atau 5 tingkat dan untuk memastikan keteguhan bangunan itu percucukan (piling) telah ditanam.

Soalan mengenai dengan langkah positif, oleh kerana tanah bekas lombong yang telah ditinggalkan dan yang masih belum digunakan banyak terdapat di persekitaran Kuala Lumpur dan Ipoh, maka Kementerian saya melalui Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meminta bantuan daripada Kerajaan Jepun di bawah rancangan bantuan tekniknya supaya membuat engineering feasibility studies ke atas tanah-tanah tersebut bagi memastikan kegunaannya dengan lebih ekonomi lagi bukan sahaja sebagai tapak perumahan, tetapi juga sebagai kawasan-kawasan lapang seperti padang-padang permainan dan tapak-tapak perindustrian. Begitu juga Kerajaan Jepun telah bersetuju membantu untuk menjalankan kajian ini dan satu tapak tanah bekas lombong seluas kira-kira 300 ekar di Sentul, di Kampung Pandan dan Ampang, Kuala Lumpur telah

disediakan untuk kawasan kajian ini. Adalah diharapkan bahawa perakuan-perakuan yang dibuat hasil kajian di Sentul, di Kampung Pandan dan Ampang itu akan juga dapat dipraktikkan di kawasan-kawasan lain seperti di negeri Perak khasnya di Ipoh.

## LETRIK LUAR BANDAR DI SABAH

**11. Datuk Haji Ashkar Hasbollah** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan samada kuasa letrik akan dibekal dengan lebih banyak di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah supaya penduduk di sana dapat menikmati tenaga letrik seperti rakyat Malaysia yang lain yang telahpun dibekalkan dengan letrik.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk memperluaskan Rancangan Bekalan Letrik Luar Bandar di negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Di awal Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan sebanyak \$10.5 juta telah diluluskan kepada Sabah, tetapi memandangkan kepada permintaan kepada rancangan tersebut telah meningkat, Kerajaan baru-baru ini telah menaikkan jumlah peruntukan bagi rancangan tersebut kepada \$17,668,500. Adalah dijangka dengan peruntukan ini, Lembaga Letrik Sabah (S.E.B.) akan dapat membekalkan tenaga letrik kepada sebanyak 66 kawasan luar bandar menjelang 1980 dan memberi kemudahan kepada lebih kurang 5,863 buah rumah kediaman.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan mengenai Sabah, jadi bagaimana pula keadaannya dengan Sarawak kerana di kawasan saya, iaitu di bandar tempat saya tinggal itu kuasa letriknya dibekalkan oleh pembekal swasta yang bekalan letriknya adalah tidak mencukupi dan orang yang melihat peti TV pun tergendala. Jadi bagaimana langkah yang diambil oleh pihak Kementerian.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ahli Yang Berhormat itu agaknya luar daripada soalan asal tetapi sukalah

saya menyatakan bahawa berkenaan dengan negeri Sarawak, tanggungjawab untuk mengendalikannya rancangan letrik luar bandar adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, Kementerian saya hanya menyalurkan bantuan kewangan kepada projek-projek letrik luar bandar.

## KEKURANGAN DOKTOR-DOKTOR DI HOSPITAL JOHOR

**12. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar yang Hospital di dalam Negeri Johor hanya mempunyai empat orang doktor bedah sahaja, yang seorang saja di Keluang telahpun dihantar ke Segamat dan Hospital Keluang kini tanpa doktor bedah dan ini telahpun menyulitkan serta membahayakan pesakit di Keluang yang serius terpaksa dihantar ke Johor Bahru. Ini telah mengakibatkan setengah-setengah pesakit yang serius telah mati di tengah jalan atau sebaik sahaja sampai di Hospital Johor Bahru. Apakah langkah yang akan diambil bagi mengatasinya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapat empat orang Pakar-pakar Bedah di negeri Johor, dan sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bilangan ini adalah lebih daripada yang terdapat di lain-lain negeri.

Pakar Bedah dari Hospital Daerah, Keluang telah ditukar ke Hospital Daerah Segamat bagi menggantikan Pakar Bedah dari hospital itu yang telah ditukarkan ke tempat lain. Kita berpendapat bahawa oleh kerana Segamat letaknya di antara perjalanan yang penting di mana terdapat banyak berlakunya kemalangan jalanraya dan kes-kes kecemasan dan juga memandangkan jarak jauhnya perjalanan dari Hospital Besar Johor Bahru dengan Segamat berbanding dengan jarak jauh perjalanan dari Hospital Daerah Kluang ke Johor Bahru, maka penempatan seorang Pakar Bedah di Hospital Daerah Segamat adalah mustahak dari segi keperluan perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, kes-kes dari Kluang yang memerlukan rawatan bedah bolehlah dihantar ke Hospital Besar Johor Bahru dan juga ke Hospital Daerah, Batu

Pahat yang lebih dekat dengan Kluang, ataupun seorang Pakar Bedah diminta dari Batu Pahat atau Johor Bahru untuk kes-kes yang tertentu.

Kekurangan Pakar-pakar Bedah bukan hanya terdapat di negeri Johor sahaja bahkan, juga di seluruh negara, dan oleh itu Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini. Apabila bilangan Pakar Bedah bertambah baik, Kementerian ini akan menempatkan seorang Pakar Bedah di Hospital Daerah, Kluang.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sedar bahawa Hospital Daerah Kluang berkhidmat untuk seramai 170,000 orang. Menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Hospital Daerah Kluang kurang mustahaknya, berbanding dengan Hospital Daerah Segamat.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu mendengar jawapan saya tadi, sebab kita menghantarkan pakar ini ke Segamat, daripada segi lokasi yang strategic, Segamat lebih jauh daripada Johor Bahru, manakala Kluang berdekatan dengan Johor Bahru dan Batu Pahat yang ada mempunyai pakar bedah. Oleh itu kita bolehlah menggunakan pakar-pakar itu untuk keperluan kes-kes dari Kluang.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Hospital Daerah Muar berhampiran dengan Segamat. Apa sebabnya diambil doktor ini pergi berkhidmat ke Segamat selepas pilihanraya sahaja?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini ada berbau politik sedikit, kerana beliau menyebut selepas pilihanraya. Sukacita saya menyatakan di sini, penukaran seseorang pakar itu tidak ada kaitannya dengan politik, di mana Ahli Yang Berhormat sendiri telah mengalahkan calon barisan Nasional, tetapi penukaran ini adalah berdasarkan kepada keperluan sepertimana yang saya telah sebutkan tadi.

## PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DI DAERAH-DAERAH

**13. Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menerangkan jumlah sebenar perbelanjaan yang dibelanjakan oleh Kementerian beliau untuk pembangunan dalam masa Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga mengikut pecahan-pecahan berikut:

- (i) Rancangan Pembangunan di daerah-daerah luar bandar; dan
- (ii) Rancangan-rancangan pembangunan di daerah-daerah yang terletak di dalamnya bandar-bandar besar.

**Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Raman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu perlu dimaklumkan bahawa peruntukan yang disediakan oleh Kementerian saya untuk projek-projek pembangunan untuk daerah-daerah di negeri-negeri adalah dibahagi-bahagikan mengikut kawasan ataupun Daerah J.K.R. yang ditubuhkan di negeri-negeri. Daerah-daerah J.K.R. ini adalah meliputi kawasan-kawasan luar-bandar dan juga bandar-bandar. Adalah sukar untuk memecahkan jumlah peruntukan yang disediakan kepada daerah-daerah J.K.R. ini kepada projek-projek pembangunan yang dijalankan di kawasan-kawasan luarbandar dan peruntukan yang dibelanjakan untuk kawasan-kawasan bandar sahaja. Pada keseluruhannya peruntukan bagi projek-projek pembangunan yang diberikan kepada J.K.R.-J.K.R. daerah adalah untuk tujuan membangunkan kawasan yang berkenaan khususnya untuk faedah penduduk-penduduk yang kebanyakannya dari kawasan-kawasan luarbandar seperti pembinaan jalan-jalan, bekalan air dan lain-lain kemudahan awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, jumlah peruntukan yang dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan yang diperuntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk projek-projek pembangunan di kawasan-kawasan Daerah J.K.R. di seluruh Semenanjung Malaysia.

yang tidak ada di dalamnya bandar-bandar besar sebagaimana yang dikehendaki itu adalah seperti berikut:

Rancangan Malaysia  
Kedua ... .. \$ 624,555,000

Rancangan Malaysia  
Ketiga ... .. \$1,075,246,000

Berbanding dengan itu perbelanjaan dari peruntukan bagi daerah-daerah di mana ada dalamnya bandar-bandar besar adalah seperti berikut:

Rancangan Malaysia  
Kedua ... .. \$299,295,000

Rancangan Malaysia  
Ketiga ... .. \$707,637,000

### RANCANGAN PERTUKARAN BELIA-BELIA

**14. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah belia-belia negeri ini telah dihantar ke luar negeri di dalam rancangan pertukaran belia dalam tahun 1975, 1976 dan 1977;
- (b) nama-nama negeri belia-belia tersebut telah dihantar dan berapa ramaikah bagi tiap-tiap negeri pada tahun-tahun yang berkenaan; dan
- (c) berapa ramaikah belia daripada luar negeri yang datang ke negeri ini di dalam rancangan pertukaran belia tersebut di dalam tempoh tahun-tahun 1975, 1976 dan 1977 dan berikan nama-nama negeri yang terlibat.

#### Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan):

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Belia-belia yang telah melawat ke negara-negara luar dan belia-belia dari luar yang telah melawat ke negara kita di bawah rancangan pertukaran Belia adalah seperti berikut:

Tahun		Belia Malaysia	Belia dari luar negeri (negara yang berkenaan)
Tahun 1975			
(a) Canada	...	35	35
(b) Jepun	...	31	155
Tahun 1976			
(a) Canada	...	25	25
(b) Jepun	...	31	155
(c) Filipina	...	20	20
Tahun 1977			
(a) Canada	...	33	33

(b) Jepun ... 31 155

(c) Indonesia 52 —

(d) Filipina ... 20 —

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapati negara-negara yang kita hantarkan belia-belia ini hanya terhad kepada Kanada, Jepun, Filipina dan Indonesia, itulah sahaja. Soalan saya yang pertama, kenapakah hanya ke negara-negara ini sahaja kita menghantarkan belia-belia kita dalam tahun-tahun yang tersebut?

Soalan yang kedua, saya dapati bagi setengah-setengah negara lebih ramai belia-belia dari negara asing datang ke negeri ini daripada kita menghantar belia-belia kita ke negara-negara yang berkenaan. Soalnya kenapa demikian?

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan yang pertama Ahli Yang Berhormat itu, sebabnya kita hanya menghantarkan belia-belia ke Kanada, Jepun, Indonesia dan Filipina ialah oleh kerana negara-negara inilah yang sanggup mengadakan program ini dengan negara Malaysia ketika ini.

Pertanyaan yang kedua ialah mengapa ramai bilangan belia dari negara lain datang ke Malaysia dan tidak begitu ramai belia Malaysia ke negara tersebut. Satu sebabnya oleh kerana bilangan itulah yang disanggupkan untuk negara itu boleh dilawati oleh belia-belia daripada Malaysia. Akan tetapi oleh kerana setengah negara sangat begitu tertarik untuk datang melihat kemajuan di Malaysia ini, kita tidak dapat menyekat mereka oleh kerana perbelanjaan itu ditanggung oleh mereka sendiri.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, setelah tiga tahun kita mengirinkan belia-belia ke negara-negara yang berkenaan itu, tentulah pihak Kementerian mengirinkan sama pegawai-pegawai bersama-sama dengan belia-belia tersebut. Soalan saya, daripada pegawai-pegawai yang kembali bersama-sama dengan belia-belia tadi, apakah laporan-laporan yang kita dapati daripada pegawai-pegawai tersebut mengenai belia-belia kita, sama ada baik atau sebaliknya semasa mereka berada di negara-negara asing tersebut?

**Tuan Luhat Wan:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan ataupun report yang telahpun dilaporkan oleh pihak pegawai-pegawai yang menyertai rombongan kita ke negara-negara lain adalah sangat memuaskan.

**Tuan Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beliau-belia dari Kanada yang melawat Malaysia apabila pulang, ada yang membuka perusahaan batik. Jadi saya ingin tahu adakah beliau-belia daripada negara kita yang melawat ke negeri Jepun pernah meminta bantuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membantu mereka mengadakan sesuatu, seperti perusahaan permainan kanak-kanak dan sebagainya?

**Tuan Luhat Wan:** Tuan Yang di-Pertua, ada juga beberapa rancangan ataupun bantuan yang telahpun diberi oleh pihak negara-negara jiran kita yang sanggup mengadakan rancangan dengan Malaysia tetapi saya kurang jelas dari negara mana yang telahpun memberikan pertolongan setakat ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir:** Soalan tambahan. Adakah dalam rancangan Kerajaan ataupun pihak Kementerian bercadang hendak menghantar beliau-belia kita ke negara-negara Islam di Timur Tengah?

**Tuan Luhat Wan:** Ini akan ditimbang pada masa yang akan datang, tetapi pada masa ini ada juga beliau-belia kita yang pergi melawat ke Indonesia, inipun dianggap salah satu daripada negara Islam.

#### PEKEBUN-PEKEBUN UBI KAYU

**15. Tuan P. Patto** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pekebun-pekebun ubikayu bersungut kerana pengilang-pengilang ubikayu memberi harga yang sangat rendah bagi ubikayu mereka berbanding dengan harga yang diberi beberapa tahun dahulu;
- (b) samada beliau sedar bahawa pekebun-pekebun ubikayu tidak puas hati dengan alat-alat menimbang yang digunakan oleh pihak pengilang ubi-

kayu yang tidak menunjukkan kedudukan derajat (reading) yang tepat kerana alat itu telah diubahsuai mengikut kehendak mereka, jika ya, apa tindakan pihak beliau akan ambil terhadap pengilang-pengilang ubikayu;

- (c) samada boleh Kerajaan menetapkan satu harga minima yang berpatutan bagi setiap pikul ubikayu supaya pekebun-pekebun diberi satu bayaran yang lumayan untuk menjamin kehidupan sempurna bagi diri dan keluarga mereka; dan
- (d) bagaimanakah permintaan ubikayu di pasaran dan apakah negara-negara yang mengimpot ubikayu kita.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar mengenai hal ini, kejatuhan harga ini adalah disebabkan persaingan yang hebat dengan harga ubikayu dari Thailand. Selalu dari itu terdapat juga persaingan di Eropah di antara ubikayu dan gandum gred rendah dan lain-lain barang gantian makanan ternakan seperti citrus-pulp. Ini seterusnya menjatuhkan harga ubikayu di pasaran Eropah dan menyebabkan kejatuhan harga di pasaran tempatan. Pengusaha bahan-bahan makanan ternakan dari Malaysia juga mengimpot racikan ubikayu dari Thailand yang harganya lebih murah daripada pasaran tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah dijangka bahawa harga ubikayu mungkin naik, oleh kerana pada masa ini petani-petani di Thailand sedang menukar tanaman ubikayu ini ke tanaman lain.

- (b) Sedar, dan perkara ini sedang diasiat.

- (c) Ini adalah satu issue yang menyentuh soal-soal berkaitan dengan sokongan harga (price support) untuk bahan-bahan pertanian di negara ini. Dengan yang demikian soal menetapkan satu harga minima bagi ubikayu berkehendakkan penyiasatan dan penyelidikan yang menyeluruh, bukan sahaja bagi ubikayu bahkan juga bagi pengeluaran pertanian yang lain.

(d) Pasaran ubikayu kita mengalami persaingan yang hebat dari negara Thailand dan bahan-bahan makanan ternakan lain yang didapati dengan murahnyanya di Eropah Barat dan Amerika Utara. Di antara negara yang mengimpot tepung ubikayu dari Malaysia ialah Singapura, Canada, Indonesia, Bangladesh dan Australia, di mana Singapura adalah pengimpot terbesar sebanyak 84% pada tahun 1977 dan butir-butir sagu ubikayu pula diekspot ke United Kingdom (22%), Singapura (21%), Bangladesh (18%), New Zealand (10%), Belgium (5%), Union of South Africa (4%) dan Bahrein (4%).

Racikan ubikayu pula diekspot ke Singapura (58%), United Kingdom (17%), Perancis (17%) dan sedikit ke Italy dan Portugal. 95% daripada eksport racikan ubikayu di Semenanjung Malaysia adalah ke Sarawak dan hasil ubikayu mentah pula sebanyak 78% diekspot ke Singapura.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

DAN

### USUL

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979

dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (28hb November, 1978).

*Majlis Bersidang sebagai Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B. 45, B. 46 dan B. 47 (Jadual)—  
Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 (Anggaran  
Pembangunan, 1979)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis telah menimbangankan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Penerangan iaitu untuk Maksud B. 45, B. 46 dan B. 47 dan serta Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 dan saya akan minta Yang Berhormat Menteri Penerangan menjawab pada jam 4.45 petang selewat-lewatnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar, kalau hendak bercakap ada 5 minit lagi.

3.35 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, B. 45 muka surat 357—Penyelidikan dan Perancangan.

Saya berpendapat rancangan ini amatlah berguna dan bagus dengan sebab itu, saya berharap supaya rancangan ini digiatkan lagi, kerana satu-satu perancangan kalau kita hendak selidik dahulu sebelum kita merancang, itu tidak membawa kesan yang baik. Umpamanya, kita kata satu orang berubat, sebelum kita hendak berubat, periksa dahulu, baru bagi ubat. Itulah satu rancangan yang amat berguna. Maka dengan sebab itu, saya minta digiatkan lagi segala rancangan yang dijalankan oleh Jabatan ini.

Tuan Pengerusi, P. 46, muka surat 363 berkenaan dengan rancangan. Dalam belanjawan yang lepas, saya telah bercakap panjang, rupanya apa yang saya cakap, saya dengar sungutan daripada orang ramai dan di dalam Dewan pun mengakui apa yang saya kata itu, maka dengan sebab itu kepada Menteri yang berkenaan dan kepada pegawai-pegawainya, saya merayulah selepas dicakap di sini, hendaklah dikaji, tengok, pinda, janganlah takuk, lama juga, kata orang tentang rancangan TV tak pernah berubah. Ini saya merayu. Misalnya saya kata Rancangan Mukadam, selepas saya bangkitkan dalam Dewan,

semua orang beri tahniah—betul Rancangan Mukadam tak sesuai, tolonglah Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Apa yang tak sesuai?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Masanya tak sesuai bagi siaran Mukadam itu—pukul 6.50 masa Maghrib itu tak sesuai, tolonglah betulkan. Begitu juga Combat. Rancangan ini memenangkan Amerika sahaja pun tak patut.

**Tuan Pengerusi:** Rancangan Combat sudah habis, minggu hadapan tak ada lagi.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Saya ulang, jangan adakan.

Kedua, berkenaan dengan rancangan. Biasa dikatakan oleh Menteri, harus wakil dari Kangar tak dengar waktu awal. Ya, kebanyakan orang Islam sama juga selepas Maghrib, ada yang wirid sampai pukul 9.00 baru hendak beralih ke TV. Jadi kalau masa awal itu rancangan Malaysia selepas itu rancangan Inggeris yang banyak. Jadi kita di Malaysia ini walaupun boleh tengok TV tetapi tak begitu menyeluruh, dengan sebab itu saya harap kepada Menteri—memang ada rancangan Malaysia ini, saya tak nafikan, macam drama tetapi rancangan Inggeris terlampau banyak. Sebelum warta berita, rancangan Inggeris tiap-tiap hari, cuma rancangan Drama seminggu sekali hari Ahad malam Isnin. Saya ingat.

Kemudian rancangan RTM, itu bukan rancangan cara pelajar, tetapi rancangan seronok dengan nyanyian dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, kalau tak silap saya hari Isnin malam Selasa. Saya mengikuti juga dengan rancangan tersebut. Jadi cara rancangan bagi kebaikan selain daripada hiburan, cara pelajaran terlampau sedikit dalam TV walhal TV diikuti oleh semua golongan, baik tua atau muda, banyak menengok TV. Jadi apa kesan dalam TV membawakan masyarakat ke satu pihak, kalaulah ke situ katanya banyak main pistol dan sebagainya, maka esok budak-budak mengikuti cara lenggang dalam TV itu juga. Dengan sebab itu kepada Menteri yang berkenaan, saya berharaplah oleh kerana TV tempat yang penting membawakan corak manusia, tolonglah ubah dan sesuaikan beberapa perkara lagi.

Dan saya berharap tolong tambah lagi rancangan membangkitkan kebangsaan orang ini. Kalau kita kata dalam radio selalu saya dengar radio, sandiwara radio, bagus. Pada tengahari tadi pun saya dengar cerita bagaimana ibu tidak bertanggungjawab kepada anak angkatnya. Tetapi orang kalau setakat dia dengar tidak begitu tertarik, tetapi sambil dengar sambil tengok, itu membawakan orang cukup suka tengok. Maka dengan sebab itu rancangan seperti yang diadakan dalam radio itu siarkan juga dalam TV, misalnya sandiwara radio, bangsawan dalam radio. Adakan drama-drama yang bagus dengan bagi hadiah macam kita beri kepada RTM sampai nombor 1, \$5,000, \$4,000, \$3,000, golek begitu pun kita beri sampai \$4,000, \$5,000. Kita buat juga satu hadiah beri kepada drama yang terbaik, pengarah yang terbaik, membawakan manusia kepada satu masyarakat yang kemajuan, satu masyarakat yang ekonomik dan sebagainya. Kita carilah thema-thema yang kita fikir baik. Jadi saya haraplah sangat-sangat kepada Menteri yang berkenaan tolong banyakanlah rancangan, setakat ini walaupun ada terlampau sedikit. Sebelum Warta Berita saya ulang sekali lagi, sebelum Warta Berita ada siaran dalam bahasa Inggeris dengan cerita “Combat” dan sebagainya. Selepas “Peristiwa” siaran dalam bahasa Inggeris lagi. Jadi pendek kata macam negeri Inggeris, bukan kata saya tidak mahu tengok siaran dalam bahasa Inggeris tetapi biarlah banyak habuan bagi penduduk luar bandar yang hendak tengok sama. Itulah saya harap seolah-olah kalau orang datang sekali gus ke Malaysia, biar orang tengok selepas daripada “Peristiwa” seolah-olah Malaysia ini semua penduduknya orang-orang Inggeris. Tolonglah, ini rayuan saya kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, setahu saya pada bulan Ogos yang lepas dan dahulu daripada itu Yang Berhormat Menteri telah melawat Perlis. Kalau tidak silap saya ini di bawah B. 46, saya dengar Yang Berhormat Menteri mengatakan berkenaan pemancaran radio di Perlis. Saya tidak tahu sama ada rancangan itu hendak diadakan atau tidak. Setakat hari ini dibuat dekat rumah Penghulu yang lama. Saya haraplah di Perlis itupun adakanlah juga tempat pemancaran

dan kalau boleh buat tempat khas, janganlah ditumpang boleh jadi tempat itupun akan digunakan oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, kerana hendak menyingkatkan masa, sekali lagi saya sokong peruntukan ini dan saya merayu sungguh-sungguh, bukan mendesak, kerana saya tahu TV kalau kita hendak lawan dengan dia seribu satu macam kelam kabut. Jadi saya merayulah bukan saya seorang sahaja. Sekali lagi kata, apa yang saya rayu ini disungut oleh banyak golongan masyarakat, boleh saya katakan 60%, 70% khasnya orang bumiputra baikpun yang berpelajaran tinggi, termasuklah orang-orang dewasa. Diharap mendapat sambutan dan tolonglah jalankan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

3.44 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Pengerusi, merujuk kepada B. 45, Butiran 1100, Aktiviti (6) berkenaan Psychological Operation, saya ingin menyentuh di sini peruntukan sejumlah \$360,730 itu ialah tidak cukup. Tujuan untuk membina sebuah negara yang bersatupadu dan mengwujudkan satu masyarakat integrasi bersikap Malaysian tidak akan tercapai jikalau kita tidak ada satu rancangan di mana apa-apa salah faham boleh diperbetulkan dan dakwah-dakyah anti nasional dan subversif boleh ditentang dengan serta merta.

Tuan Pengerusi, kita harus menggunakan bahasa yang dapat difahami oleh orang ramai apabila kita hendak memberi penerangan yang penting. Ini bermaksud bahawa jikalau kita hendak memberi penjelasan kepada sesuatu masyarakat yang tidak memahami Bahasa Malaysia kita patut menggunakan bahasa seperti bahasa China, Tamil atau lain-lain yang masyarakat itu memahami. Dengan berbuat demikian baharulah kita berjaya memberitahu mereka apa yang kita ingin mereka mengetahui. Menggunakan lain bahasa tidak bererti kita tidak menghormati Bahasa Malaysia, bahasa rasmi kita tetapi segala usaha dan tenaga kita akan dirugikan dan tambahan pula kurang berkesan apabila mereka tidak memahami kita kerana communication gap.

Tuan Pengerusi, saya harap pihak Filem Negara Malaysia, RTM dan Pegawai-pegawai Penerangan akan ada lebih banyak lagi program-program dan kegiatan-kegiatan yang sesuai untuk menghapuskan khabar-khabar dan propaganda-propaganda yang boleh memecah belahkan masyarakat kita. Penerangan yang tidak baik biar di dalam lingkungan masyarakat Melayu, China atau India dan lain-lain mesti diserang balas dan memberi penerangan yang benar dengan serta merta dan bukan selepas satu masa.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan bahawa Pegawai-pegawai Penerangan dihantarkan ke tempat-tempat yang agak sesuai bagi mereka. Sebagai contoh, jikalau seorang pegawai itu dilahirkan di satu kawasan dan sangat mengenali penduduk-penduduk di situ, beliau patutlah dihantarkan ke kawasan itu atau jikalau seorang pegawai itu didapati cukup berkesan bagi kawasan yang beliau sedang bertugas janganlah tukarkan beliau ke lain kawasan, jikalau tidak semestinya kecuali kenaikan pangkat. Adakah tidak ada maksud untuk menukarkan seorang pegawai dari negeri ke negeri dan mengakibatkan banyak kesusahan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan kita mengkaji perkara perlantikan dan penghantaran Pegawai Penerangan dan memberikan perhatian khas ke kawasan yang amat sensitif dan sukar. Adalah amat mustahak bahawa orang ramai mendapat penerangan yang betul berkenaan Kerajaan dan programnya. Sekarang adalah masanya untuk Kerajaan melancarkan suatu Kempen serang balas untuk memberi keterangan tentang programnya dan jangan membenarkan element-element yang membangkang Kerajaan untuk menghuraikan semua kerja baik Kerajaan yang telah dibuat semasa 20 tahun yang dahulu. Kritik yang benar ialah dialu-alukan, tetapi kritik yang palsu dan tidak berasas mesti ditentang. Saya harap Kementerian Penerangan akan memainkan peranan yang harus dimainkan dan janganlah complacent seperti udang tidak sedarkan dirinya bongkok.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Parit.

3.49 ptg.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):**

Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap mengenai Maksud B. 47, muka surat 373, Butiran 1100, Aktiviti (2). Usaha Kementerian Penerangan bagi memperbaiki lagi mutu rancangan dari satu masa ke satu masa memang ditunggu-tunggu oleh rakyat negara kita ini.

Yang Berhormat Menteri Penerangan dalam membentangkan peruntukan Kementeriannya jelas menyatakan dalam tahun 1979 kelak sebagai tahun bersejarah bagi Kementeriannya berikutan dengan pelancaran TV berwarna dan seterusnya beliau menyatakan penubuhan sebuah Jawatankuasa Penilaian.

Rancangan-rancangan bagi meneliti semua rancangan yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementeriannya, Tuan Pengerusi, mendengarkan kehebatan rancangan itu, saya kira Kementerian Penerangan di tahun-tahun yang akan datang benar-benar dapat melaksanakan kesemua yang diperkatakan ini serta sesuai dengan selera rakyat.

Saya suka menyentuh mengenai peranan Jabatan Penerangan. Akhir-akhir ini begitu ramai bilangan Pegawai-pegawai Luar yang bertugas di daerah-daerah dan salah satu daripada tugas mereka ialah mengatur, menyusun kursus-kursus sivik, temuramah, syarahan teratur dan hebahan dari satu masa ke satu masa. Saya suka juga memberitahu supaya pegawai-pegawai yang bertugas seumpama ini termasuklah Pegawai-pegawai Penerangan Daerah dilengkapi dengan bahan-bahan penerangan yang secukupnya. Mereka yang bertugas sebagai Pegawai Luar ini tidak sahaja dikehendaki menyampaikan maklumat-maklumat penting seperti dasar-dasar Kerajaan, akan tetapi hendaklah sentiasa menyesuaikan syarahan ataupun temuramah mereka itu dengan iklim ataupun suasana mahupun situasi pergolakan negara ketika itu. Terdapat setengah-setengah Pegawai Luar yang memberikan ceramah mereka atas satu aspek sahaja sedangkan apabila timbul satu-satu masalah, mereka sering menyatakan mereka akan merujukkan perkara itu ke peringkat atas sedangkan mereka patut membuat huraian sejelas-jelasnya apabila timbul satu-satu masalah.

Saya tidak tahu sama ada di dalam perkhidmatan luar Jabatan Penerangan ini terdapat dua jenis Pegawai Luar. Ada setengah-setengahnya boleh bercakap dalam apa tajuk atau motto akan tetapi setengah-setengahnya pula berasa takut, kerana menurut mereka itu bukan bidang tugasnya. Apa yang menjadi terkilan di hati saya ialah perbezaan tugas seorang Pegawai Luar. Saya juga difahamkan setengah-setengahnya mengatakan diri mereka terikat dengan satu-satu Perintah Am, sedangkan seorang Pegawai Luar yang lain dibolehkan bercakap atas topik yang lebih luas hatta boleh menyentuh dalam bidang politik dan sebagainya. Oleh itu saya kira di masa yang akan datang ini biarlah tidak ada lagi kalangan Pegawai-pegawai Luar yang bertugas di daerah-daerah ini mempunyai bidang kerja yang berlainan.

Tuan Pengerusi, saya ada juga menerima beberapa sungutan daripada Pegawai-pegawai Luar yang bertugas secara sementara dan perkhidmatannya yang begitu luas semasa berkhidmat patutlah diberi keutamaan untuk diserapkan terus ke jawatan tetap. Saya juga difahamkan rayuan demi rayuan, memorandam demi memorandam ke tengah dan dikemukakan kepada Kementerian, akan tetapi sehingga sekarang belum ada tanda-tanda menunjukkan bahawa mereka yang bertugas secara sementara ini dapat diserapkan ke jawatan tetap. Memandangkan pengalaman yang sedia ada kepada mereka yang berbanding dengan kelulusan bagi seseorang Pegawai Luar yang setaraf dengannya, tentulah pihak Kementerian atau jabatan yang berkenaan boleh memberi keutamaan kepada golongan yang mempunyai pengalaman yang begitu luas. Saya berharap perkara ini tidak patut diperlingah-lingahkan lagi memandangkan Kementerian Penerangan yang dianggap begitu penting menyebarkan maklumat-maklumat kepada rakyat dapat berjalan dengan begitu baik dan mempunyai pegawai-pegawai serta kakitangan yang lengkap serta pegawai-pegawai yang dedikasi.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh kepada Maksud Bekalan B. 45, Butiran 1100, muka Surat 357, Aktiviti (6) Geraksaraf. Geraksaraf ini merupakan satu lagi tugas penting Kementerian Penerangan yang perlu diperbaiki dari satu masa ke satu

masa. Setakat ini usaha Geraksaraf khususnya yang ditunjukkan untuk kepentingan orang ramai seperti ancaman komunis, keganasan komunis perlu dihebatkan supaya rakyat sedar akan tanggungjawab mereka. Ini termasuk juga kehebatan pengaruh dadah dan kerosakan moral muda-mudi. Saya kira ini penting juga bagi masa depan membentuk rakyat jenerasi muda agar tidak terbiar dan kurang mendapat perhatian. Masalah ini jika dapat diselaraskan dengan kegiatan atau aktiviti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, akan dapat menarik lebih banyak anak-anak muda kita bertanggungjawab terhadap negaranya. Geraksaraf yang semacam ini ialah untuk kepentingan luar negeri. Ini memandangkan negara kita lebih banyak menerima ancaman luar khususnya seperti apa yang berlaku baharu-baharu ini kemasukan pendatang-pendatang haram.

Tuan Pengerusi, bercakap mengenai perkara yang sama—Geraksaraf kita di luar negeri yang perlu dihebatkan, hendaklah dibuat menerusi Kedutaan-kedutaan Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Tinggi kita yang ada dalam negeri-negeri Commonwealth.

Tuan Pengerusi, saya suka beralih kepada Maksud Bekalan B. 47 Butiran 1100, Aktiviti (4)—Penerbitan, muka Surat 373. Saya suka hendak menyentuh berkenaan Penerbitan (Publication). Perkara ini tidak kurang pentingnya bagi Kementerian Penerangan yang banyak mengeluarkan risalah untuk sbaran bacaan orang ramai. Akan tetapi Bahagian Penerbitan Jabatan Penerangan kadangkala didapati mengeluarkan penerbitan-penerbitan terlalu banyak hingga berlebih-lebihan. Tidakkah ini patut diadakan penyelidikan atau survey terlebih dahulu, kerana hasil daripada penerbitan yang berlebih-lebihan ini membazirkan. Terdapat juga buku-buku yang dikeluarkan oleh jabatan ini khusus untuk dijual untuk orang ramai tetapi mutu buku tersebut menyebabkan ianya kurang mendapat perhatian dari orang ramai. Saya dapat tahu jualan buku-buku tersebut tidak mendapat pasaran disebabkan teknik pengurusan, persembahan dan nilai buku itu tidak begitu tinggi mutunya.

Oleh yang demikian, saya berharap supaya dikaji betul-betul apakah buku-buku keluaran bahagian-bahagian penerbitan ini memberi faedah atau tidak kepada orang

ramai. Sekarang ini kita perlu menerbitkan majalah-majalah, buku-buku yang boleh memandu dan mendidik orang ramai dalam bidang civic consciousness (jiwa kenegaraan). Kepada Jabatan inilah bahan-bahan penerangan yang lengkap serta tepat agar kita dapat mendidik bangsa kita rakyat negeri memahami betul-betul kedudukan iklim negaranya dalam semua bidang. Mereka ini dengan mudah dapat membaca majalah-majalah yang menyuburkan jiwa mereka memahami kedudukan negaranya sendiri.

Saya contohkan penerbitan *Sinar Zaman*, satu penerbitan yang mempunyai mutu yang baik tetapi keluarannya pula hanya sebulan sekali. Jika majalah *Sinar Zaman* ini dapat diterbitkan dua minggu sekali dan mempunyai bahan-bahan yang lengkap, ianya dapat menarik jiwa rakyat dalam scope mengenal dasar-dasar Kerajaan lebih mudah. Cuma janganlah dimuatkan dengan berita dan aktiviti-aktiviti Kementerian Penerangan sahaja.

Penyelarasan perlu dibuat dengan Bahagian Ugama di Jabatan Perdana Menteri mengenai pengeluaran penerbitan majalah-majalah yang berunsur ugama khususnya atau lebih tepatnya ugama Islam. Risalah-risalah kecil dalam bentuk booklet sesuai dengan tema bulan-bulan kebesaran Islam atau mengikut takwim perlu dijadikan bahan bacaan dari satu masa ke satu masa, contohnya apabila tiba bulan Ramadhan ataupun bulan Maulud. Jika risalah-risalah ini diselaraskan dengan pengeluaran atau . . .

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah sampai. Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

4.01 ptg.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Pengerusi, saya minta izin menyentuh Maksud B. 46—Jabatan Penyiaran, di bawah Kod 1100, Aktiviti (2)—Rancangan.

Tuan Pengerusi, mengikut buku Anggaran Belanjawan, 1979 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Penerangan mempunyai dua tujuan. Yang pertama ialah “bagi merumus, merancang, menyelaras serta melaksanakan dasar perhubungan sebaran am supaya rakyat negeri ini dapat memahami dengan

jelas segala dasar Kerajaan dan melihat segala kegiatan Kerajaan yang bertujuan untuk memenuhi aspirasi rakyat”.

Di atas tujuan yang pertama itu, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian kita yang telahpun berjaya untuk memenuhi hasrat dan cita-cita tujuan yang pertama. Tetapi mengenai tujuan yang kedua ini, di sini pada pendapat saya timbul sedikit sebanyak kelemahan, iaitu tujuan kedua ialah “di samping tujuan yang pertama tadi, menolong membentuk satu kebudayaan nasional yang dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum khususnya di dalam bidang kesenian hiburan”. Kalau adapun kelemahan, di sini terletaknya kelemahan-kelemahan bersabit dengan Jabatan Penyiaran, Tuan Pengerusi.

Daripada tujuan yang kedua tadi nyatalah bahawa Kementerian Penerangan khususnya Jabatan Penyiaran adalah dipinta untuk menjadi satu alat perpaduan di bidang kesenian hiburan. Saya tidak boleh menafikan bahawa Jabatan Penyiaran berusaha ke arah itu dan memang ada bukti-bukti yang mereka membuat program-program yang khusus bagi memenuhi hasrat bagi menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum khususnya dalam bidang kesenian hiburan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Ada usaha, bukan tidak ada usaha langsung, tetapi usaha-usaha yang dijalankan itu tidak mencukupi, malah sebaliknya saya menyatakan bahawa usaha-usaha dan ikhtiar-ikhtiar itu bukan membentuk satu kebudayaan nasional, malah membentuk beberapa kebudayaan nasional yang tidak dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum.

Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk memenuhi dengan penuh yakin dan berani tujuan yang kedua tadi, sepertimana yang tercatat di dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1979 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia iaitu bagi menolong membentuk satu kebudayaan nasional yang dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum khususnya di dalam bidang kesenian hiburan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara kalau dapat saya menyentuh iaitu di dalam usaha Yang Berhormat Menteri di dalam tujuan yang kedua tadi, ada mengambil beberapa artis tempatan yang berkaliiber. Ini satu usaha yang baik dan saya menyanjung tinggi usaha itu. Dan saya pinta biarlah usaha itu dapat diperluaskan, diperbesar-kan lagi, janganlah kita mengambil beberapa artis tempatan sahaja, malah diperluaskan peluang itu kepada lebih ramai lagi artis-artis yang memang ada bakat di negara kita, supaya tujuan yang kedua tadi sepertimana yang telah saya nyatakan tadi dapat dilaksanakan dengan berkesan. Memang sengaja saya tidak mendetailkan apa yang saya maksudkan kerana perkara ini banyak. Saya percaya Yang Berhormat Menteri faham dan sedar apa yang saya cuba hendak menyentuh. Oleh itu saya tidak mahu mengambil masa yang panjang untuk mendetailkan apa yang saya maksudkan bahawa usaha-usaha Kementerian ke arah tujuan yang kedua tadi bukan menyatupadukan rakyat malah boleh mewujudkan dan membentuk bukan satu kebudayaan nasional malah lebih daripada satu kebudayaan nasional, dan mungkin tidak dapat menyatupadukan rakyat sepertimana yang dikehendaki.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, usaha Kementerian itu bukan saya perkecil-kecilkan—saya sanjung tinggi—dan saya suka juga merayu bagi pihak mereka yang telah dipilih dan dipinta menyumbangkan tenaga mereka di Jabatan Penyiaran supaya pembayaran mereka itu diberi dengan lekas sedikit. Tiap-tiap artis tempatan ini, maklumlah mereka ini bukanlah orang-orang berada belaka, ada setengah-setengahnya itulah punca pencarian mereka dan apabila mereka mengambil bahagian, artis-artis tempatan kita sama ada Melayu, Tionghua atau India, memerlukan supaya pembayaran kepada mereka itu hendaklah dipercepatkan. Janganlah berlaku sepertimana sekarang ini ada berlaku, bukanlah semuanya, tetapi ada banyak yang berlaku di mana artis-artis yang telah mengambil bahagian terpaksa menunggu masa yang begitu panjang untuk mendapat pembayaran mereka. Pembayaran itu bukanlah banyak sangat, apalah salahnya kalau kita cari satu jalan mempercepatkan pembayaran-pembayaran mereka ini. Maka itu merupakan satu cara penggalakan juga, secara galakan

yang tidak langsung kepada artis-artis tempatan untuk bangun dan memberikan sumbangan mereka yang bererti demi untuk membentuk suatu kebudayaan nasional yang dapat menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara kita ini, khususnya di dalam bidang kesenian hiburan.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, sekiranya peruntukan kurang untuk memenuhi hasrat yang kedua tadi, kerana hasrat yang pertama tadi beres, Kementerian berjalan dengan baik. Tetapi sekiranya peruntukan kurang dan itulah yang menyebabkan mungkin Kementerian kita tidak begitu lancar di dalam memenuhi tujuan yang kedua tadi, kalau wang menjadi puncanya maka saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan kepada Dewan ini suatu anggaran tambahan bagi memenuhi hasrat dan tujuan itu dan saya merupakan seorang back-bencher pertama yang akan bangun menyokong penuh di atas tambahan perbelanjaan itu untuk melaksanakan tujuan menjadikan Kementerian kita sebagai alat perpaduan berbilang kaum di negara kita ini. Tetapi kalau wang bukan sebab berlakunya kelemahan itu maka saya merayu pula kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Penerangan untuk mendapat suatu kajian teliti dan membuat tindakan-tindakan yang wajar bagi menyusun semula rancangan-rancangan supaya benar-benar dapat memenuhi tujuan yang kedua seperti mana termaktub sebagai dasar Kementerian Penerangan yang kedua tadi.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh perkara ini bukan pula kerana hendak memberi gambaran bahawa saya berpendapat Kementerian Penerangan ini tidak baik, tidak. Ini cuma satu bidang sahaja. Pada keseluruhannya saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telahpun mentadbir dan menjalankan tugas dan kewajipannya dengan baik dan saya memang menyanjung tinggi segala usaha, ikhtiar dan khidmat cemerlang yang telahpun disumbangkan oleh semua yang ada kaitan dengan Kementerian Penerangan.

Izinkan saya di sini, Tuan Pengerusi, sebagai seorang back-bencher mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas segala yang telahpun dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan kita. Saya agak dan saya berpendapat demikian bahawa Kementerian Penerangan kita second to none, saya tidak

dapat melihat Kementerian-kementerian Penerangan di negara-negara lain dan saya berani menyatakan bahawa Kementerian Penerangan kita tinggi mutunya dan boleh diberi kepujian yang tinggi. Tetapi di dalam pada itu saya merayu di atas apa yang saya telah nyatakan tadi iaitu dari segi tujuan yang kedua tadi cubalah dan saya penuh yakin di atas kebolehan dan keupayaan Yang Berhormat Dato' Menteri Penerangan kita yang beliau saya percaya boleh di dalam masa yang pendek untuk memenuhi hasrat kita semua di sini iaitu menerusi Kementerian Penerangan beliau, khususnya Jabatan Penyiaran, membentuk satu kebudayaan nasional yang dapat menyatupadukan rakyat berbilang kaum khususnya di dalam bidang hiburan dan kesenian.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

4.14 ptg.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru):** Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya saya memanglah menyokong permohonan peruntukan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan tadi. Saya memang bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Sepang tadi bahawasanya kalau kita tinjau dari konteks tujuan-tujuan Kementerian Penerangan yang telahpun disebutkan di dalam Buku Anggaran Perbelanjaan 1979 itu memanglah Kementerian Penerangan ini telahpun mencapai kemajuan yang harus dipuji.

Tetapi apa yang menjadi soal sekarang ialah sama ada tujuan-tujuan Kementerian Penerangan ini harus dikekalkan seperti yang ada sekarang ini, ataupun sama ada kita harus menukar sedikit keutamaannya supaya lebih sesuai dengan keadaan yang terdapat di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (4)—Penyelidikan dan Perancang; (5) Filem Negara Malaysia dan (6) Geraksaraf.

Sebagaimana yang kita tahu keadaan yang terdapat di dalam Malaysia ini adalah luar biasa. Tidak ada sebuah negara di dalam dunia ini yang terdapat keadaan sebagaimana yang terdapat di Malaysia ini di mana rakyatnya begitu banyak, begitu banyak sekali emosinya, kebudayaannya,

tradisinya dan bahasanya. Jadi soal untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum ini bukanlah satu perkara yang boleh dimudah-mudahkan. Memang satu masalah yang sukar sekali hendak dicapai.

Itulah sebabnya kita mendapati bahawa segala kegiatan Kerajaan, boleh dikatakan segala dasar pokok hampir di semua Kementerian-kementerian berkisar terhadap mencapai perpaduan kaum di negara kita ini dan keduanya adalah untuk mengujudkan identiti kebangsaan. Itulah dua perjuangan pokok di dalam negara kita. Satunya untuk memupuk perpaduan di kalangan berbagai kaum di Malaysia, keduanya untuk mengujudkan atau melahirkan suatu identiti kebangsaan.

Itulah sebabnya kita terdapat kadangkalanya di rancangan-rancangan perumahan di mana Kerajaan memestikan 30% dari penduduknya terdiri dari orang-orang Bumiputra. Sebabnya kita adakan dasar ini ialah untuk mewujudkan kepercayaan di antara kaum. Begitu juga Kerajaan sedang berusaha untuk memperimbangan keadaan ekonomi di antara kaum. Tujuannya juga adalah untuk mengujudkan kepercayaan di antara kaum. Kerajaan sedang berusaha untuk mengimbangkan peluang pelajaran di antara kaum. Tujuannya juga, adalah untuk memajukan kepercayaan di antara kaum.

Jelaslah kepada kita bahawasanya usaha Kerajaan untuk memupuk perpaduan di antara kaum dan keduanya usaha Kerajaan untuk memupuk suatu identiti kebangsaan adalah satu soal mental ataupun satu soal psikologi masyarakat ataupun satu soal state of mind masyarakat Malaysia ini. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan Kerajaan seperti merombak dan menyusun semula masyarakat kita dengan cara menggaulkan rakyat dari luar bandar dengan di bandar dan yang di bandar pula pergi ke luar bandar, semuanya adalah untuk memainkan di atas psikologi rakyat kita supaya mereka ini dapat percaya di antara satu sama lain.

Jadi bukankah ini merupakan satu proses yang akan memakan masa yang begitu panjang. Dan kadangkalanya kalau pun kita berjaya sedikit sebanyak dalam usaha kita ini ada pula filem-filem dari luar ataupun datang pula dokumentari-dokumentari dari luar juga yang ditayang di TV dan

segala kejayaan-kejayaan kita ini akan dinetralisekan oleh pengaruh-pengaruh dari luar ini.

Itulah sebabnya, saya ingin mengesyorkan supaya Kementerian Penerangan khususnya Yang Berhormat Menteri Penerangan yang terpaksa meneruskan dasar-dasar yang telahpun diteruskan sebelumnya itu, memikirkan semula tentang tujuan Kementerian Penerangan ini sama ada telah sampai masanya untuk Kementerian Penerangan memikirkan apakah sebenarnya peranannya dalam negara seperti Malaysia ini.

Oleh sebab itu, saya ingin mengesyorkan supaya Kementerian Penerangan dan juga segala jabatan-jabatan di bawahnya, khususnya Jabatan-jabatan Penyiaran, TV, Penerangan dan sebagainya menjadikan prioriti-nya iaitu segala usaha-usahanya ditumpukan untuk memupuk perpaduan di antara kaum di negara kita ini dengan menumpukan perhatian khususnya terhadap soal meningkatkan lagi persefahaman dan kepercayaan di antara kaum.

Keduanya, sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang tadi, mengujudkan satu identiti kebangsaan. Oleh sebab itu saya percaya tentulah peruntukan yang dipohon di bawah Aktiviti (4)—Research and planning; (5) National Film Malaysia dan (6) Psychological Operation, harus dilipatganda, harus ditambah berkali ganda lagi supaya objektif yang saya syorkan tadi dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi. Dan segala program-program talivesyen dan sebagainya juga haruslah diubahsuai terhadap psychological ataupun mental masyarakat Malaysia kita ini supaya mereka dengan cara direct dapat percaya antara satu sama lain dan dengan itu dapatlah kita mewujudkan perpaduan dengan agak lebih berkesan lagi.

Saya faham bahawa Kementerian Penerangan dengan sendirinya tidaklah dapat memainkan peranan yang begitu penting. Tetapi saya percaya juga dalam hubungan ini Kementerian Penerangan haruslah mengambil dayausaha atau inisiatif untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan dengan Kementerian-kementerian lain khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pelajaran dan lebih-lebih lagi dengan Perbadanan Perfileman Negara yang akan diwujudkan tidak lama lagi.

Pada pendapat saya, saya berfikir eloklah Perbadanan Perfileman Negara yang akan diwujudkan tidak lama lagi itu diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, tetapi oleh sebab Kerajaan sudahpun membuat keputusan yang Perbadanan yang begitu penting itu akan diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian maka saya percaya haruslah Kementerian Penerangan ini mempunyai representation yang kuat dalam Perbadanan ini supaya segala kegiatan-kegiatan Perbadanan ini dapat diselaraskan dengan kegiatan Kementerian Penerangan khususnya dengan Jabatan Talivesyen dan Radio supaya tujuan Kementerian Penerangan yang saya fikir harus diorientasikan ini dapat dicapai dengan lebih berkesan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat dari Simunjan.

4.23 *ptg.*

**Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang bercakap pada hari ini.

Saya ingin menyentuh Maksud B. 45, Butiran 1100, Aktiviti (4)—Penyelidikan dan Perancangan. Saya menyambut baik tentang cadangan Yang Berhormat Menteri Penerangan yang berhajat hendak memperbaiki dan menyusun semula organisasi perpustakaan, penyelidikan di Kementerian Penerangan dan harapan kita ialah dengan ini akan dapat membantu perancangan projek-projek Kementerian itu. Walau bagaimanapun terdapat pada masa-masa lepas perancangan ke arah menjadikan Kementerian Penerangan ini sebagai agensi yang paling efektif dan berkesan ke arah pembentukan rakyat Malaysia yang civic-minded dan dedikasi sekalipun telah mencapai kejayaan, tetapi banyak lagi harus dilakukan supaya objektif suci ini akan dapat kita capai.

Contohnya, sebagai yang telah dapat saya saksikan di kawasan saya sendiri apabila aktiviti pementasan ataupun aktiviti sosial yang perlu melibatkan tenaga semua kaum, jarang-jarang diambil berat oleh semua kaum, Penglibatan sesuatu kaum tertentu amatlah kurang dalam aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk kita menimbulkan semangat civic-mindedness di kalangan rakyat negara kita ini. Begitu juga penglibatan anak-anak muda-mudi dan

penduduk-penduduk luar bandar kekurangan perancangan yang cekap dan berkesan adalah satu faktor yang menyebabkan kegagalan ini.

Pihak Kementerian menganggap, saya rasa bahawa semua penduduk di negeri-negeri boleh diterangkan dan diberi penerangan dengan satu cara sahaja tanpa diversifikasi dalam cara-cara pendekatan itu. Contohnya, orang-orang kampung yang tidak boleh menggunakan talivesyen oleh sebab ketiadaan kuasa letrik dan ketiadaan wang untuk membeli, jadi perlu diperbanyakkan atau diperkerapkan lawatan ke tempat-tempat mereka oleh pegawai pegawai penerangan dan dibanyakkan tayangan Filem Negara Malaysia. Dari itu penyelidikan dan rancangan yang cekap dan efektif perlulah diambil untuk menjadikan Kementerian Penerangan satu agensi yang efektif dan berkesan ke arah memberi penerangan yang positif kepada rakyat disegenap pelusuk negara bukan hanya satu kawasan sahaja, tetapi semua kawasan dan pelusuk negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak menyentuh Maksud B. 45, Butiran 1100, Aktiviti (5)—Filem Negara Malaysia. Di masa-masa lepas pegawai-pegawai Jabatan Penerangan memang pernah pergi ke kampung-kampung luar bandar melawat dan menayangkan Filem-filem Negara Malaysia. Tetapi oleh kerana bahasa yang digunakan ialah Bahasa Malaysia dan ceritanya ialah tidak ada kena-mengena dengan unsur-unsur pendalaman. Penduduk-penduduk kampung mendapati sukar untuk mengikuti ceritanya dan apa yang berlaku. Bukanlah bermakna saya bermaksud menentang pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, tetapi sebagai jentera untuk menerangkan sesuatu dengan cara yang paling terang kepada rakyat. Adalah sesuai untuk Kementerian mengalihbahasakan Bahasa Malaysia kepada bahasa tempatan, kalau dapat. Katakanlah kepada bahasa Iban ataupun bahasa Melanau sekali-sekala supaya objektif penerangan yang sebenarnya dapat dicapai. Maksud penerangan bagi saya ataupun maksud penerangan bagi Kementerian Penerangan adalah lebih tertumpu kepada menjelas dengan sejelas-jelasnya dan untuk menjelas atau menerangkan dengan sejelas-jelasnya bahasa tempatanlah yang paling sesuai digunakan. Dan saya pernah terangkan kepada murid-murid saya, dengan izin, "the best language to me is the language

that everyone can understand". Itu yang saya fikir perlu, begitu juga di kawasan-kawasan kampung, mungkin kampung Tionghua. Dalam gerak langkah kita untuk mengadakan geraksaraf-psychological warfare, saya fikir begitu juga kita menggunakan bahasa Tionghua untuk menerangkan maksud yang hendak kita capai itu. Dari segi gambar yang ditayangkan perlu juga dilocalisedkan atau ditumpukan ke tempat-tempat yang tertentu.

Filem Negara Malaysia haruslah sedar bahawa penduduk-penduduk tempatan lebih gemar melihat gambar-gambar mereka sendiri dan gambar-gambar kampung mereka sendiri ditayangkan. Kalau dibandingkan dengan gambar-gambar yang luar dari tempat-tempat itu maka saya rasa minatnya adalah kurang. Ini ialah sifat semula jadi manusia. Dari itu gambar-gambar yang ada unsur-unsur tempatan perlulah diperbanyakkan, pihak Filem Negara Malaysia perlu membanyakkan kakitangan dan alat-alat kamera penggambaran supaya tempat-tempat pendalaman boleh digambar dan dimasukkan dalam Filem Negara Malaysia.

Pada masa ini kalau kita tengok tempat-tempat atau kawasan-kawasan tempatan hanya apabila Menteri-menteri datang, di masa itulah saya rasa Filem Negara Malaysia datang untuk menggambarkan kawasan-kawasan atau tempat-tempat itu. Di samping itu saya juga syorkan supaya cerita-cerita yang ditayangkan hendaklah sekali-sekala ada unsur-unsur tempatan, galakkanlah orang-orang kampung, luar bandar menghantarkan satu lakunan atau pementasan yang boleh diambil dan dijadikan gambar dalam Filem Negera Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak menyetujui Maksud B. 45, Butiran 1100, aktiviti 6—Geraksaraf. Saya ragu-ragu peruntukkan \$360,730 itu mencukupi. Saya berkata demikian kerana geraksaraf, saya rasa ialah langkah-langkah yang sangat perlu dan jika berjaya memberi satu kesan yang baik kepada pembentukan satu masyarakat yang bersemangat kebangsaan, yang dedikasi dan civic-minded. Dari itu saya berpendapat supaya peruntukan untuknya dikaji semula.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada Maksud P. 46, Butiran 51—Mengadakan Siaran Talivisyen ke Sarawak. Saya kurang pasti sama ada peruntukan \$480,000 secara

langsung ini adalah untuk perkara-perkara seperti berikut:

- (1) memanjangkan saluran (channel) 2 ke Sarawak; dan
- (2) memulakan pusat ataupun stesyen pancaran talivisyennya sendiri.

Kalau tidak, saya memerlukan penerangan dari Yang Berhormat Menteri dan sebenarnya orang-orang Sarawak sangat-sangatlah menghendaki perkara-perkara yang disebut tadi dilaksanakan. Di samping itu, sekalipun tidak diundang, kami dari Sarawak ingin juga melihat lebih banyak lagi siaran-siaran mengenai Sarawak dalam Saluran Nasional. Pada masa ini siaran tempatan itupun kebanyakannya mengenai Sabah, hanya diadakan dari pukul 7.30 malam hingga 9.00 malam, iaitu satu jam setengah. Sebenarnya kami masa ini sangat seronok melihat beberapa siaran mengenai tempat-tempat lain tetapi alangkah lebih seronoknya jika siaran mengenai perkara-perkara tempatan dapat diperbanyakkan lagi. Harapan kami supaya keadaan ini dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada Maksud B. 47, Butiran 1300, Aktiviti (2) Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat dan juga Butiran 2100—Perjalanan dan Pengangkutan Orang.

Saya rasa peruntukan untuk mengambil kakitangan tambahan dalam bidang ini amatlah perlu dikaji semula. Di tempat-tempat pendalaman khususnya di Sarawak aktiviti seperti perkhidmatan luar sivik dan masyarakat tidak akan dapat memberi kesan sekiranya pegawai-pegawai tidak diperbanyakkan dan tidak juga diarah untuk melakukan lawatan lebih kerap ke kawasan-kawasan luar bandar seperti ini. Pernah beberapa orang ketua kampung di kawasan saya mengadu kepada saya bahawa dalam masa 2 tahun kampung mereka tidak pernah dilawati oleh pegawai-pegawai penerangan. Dari itu saya cadangkan supaya field officers perlu diperbanyakkan, begitu juga bahan-bahan untuk pengangkutan (transport) bergerak di tempat-tempat yang ketiadaan jalanraya adalah lebih susah dan mahal dari bergerak di tempat-tempat yang ada jalanraya. Di samping itu adalah juga terdapat bahawa pegawai-pegawai yang datang ini hanya memanggil orang-orang kampung dan memberi ceramah, kemudian bersurai dan mereka balik rumah begitu sahaja.

Saya cadangkan supaya Pengarah-pengarah Jabatan Penerangan di tiap-tiap negeri diarah untuk mengarah pegawai-pegawai mereka supaya di samping memberi ceramah, susulilah pula aktiviti ini dengan aktiviti ilmiah, adakan kerja amal, kerja ibadat dan sebagainya.

Pada satu masa saya ada diceritakan . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya beri cuma satu minit lagi.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** 5 minit.

**Tuan Pengerusi:** Satu minit, tolong gulung!

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Pada satu masa saya ada diceritakan oleh seorang pegawai penerangan bahawa dia kerap kali memberi ceramah sampai 4 jam, entahlah saya tidak tahu samada itu efektif atau tidak, tetapi berdasarkan apa yang pernah saya lakukan setakat memberi ceramah itu, saya rasa tidak efektif sama sekali. Apa yang perlu ialah kita harus menyusuli apa yang kita lakukan, ceritakan dengan perkara-perkara amal ataupun aktiviti yang memerlukan tenaga.

Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup, terima kasih. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.35 ptg.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan Kementerian Penerangan bagi Belanjawan tahun 1979 akan datang. Di samping itu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan yang mana satu tarikh sejarah yang akan dilaksanakan pada awal tahun 1979 nanti, iaitu sejarahnya TV Berwarna akan dipancarkan melalui televisyen di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh B. 47, Butiran 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am, muka surat 373. Sebagaimana kita faham bahawa Jabatan Penerangan ini adalah sangat penting kepada negara ini sebagaimana yang disebut oleh Yang

Berhormat Menteri pada hari semalam bahawa tujuannya begitu besar bagi menerangkan kepada rakyat akan rancangan dan dasar Kerajaan serta memberi fahaman, begitu juga menjauhkan daripada musuh negara. Jadi penting sangatlah Jabatan Penerangan ini kalau hendak dikirakan lebih penting daripada Tentera dan Pasukan Keselamatan, kerana penerangan inilah akan memberi maklumat yang berkesan dan rakyat akan menyokong Kerajaan sepenuhnya. Oleh itu, saya berpendapat ini adalah satu sokongan bahkan peruntukan ini ditambah berlipat ganda lagi pada masa-masa akan datang.

Ada beberapa perkara sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan berkenaan dengan pegawai-pegawainya memang kurang kerana seorang atau dua-tiga orang pegawai, kawasannya begitu luas yang dijagainya, memang banyak rungutan dari orang-orang kampung, dan kampung-kampung baru, iaitu 2 bulan sekali baru dilawati oleh kereta/van ini, mungkinkah van tidak cukup ataupun orang tidak cukup ramai. Kita dapati pula ada pegawai-pegawainya kurang berpengalaman dan susah hendak bercakap, kadang-kadang gagap. Pendek kata, waktu mereka menerangkan kalau tuan-tuan hendak tahu lagi, silalah baca phamplet ini, katanya pula. Ertinya takut hendak bercakap. Oleh itu banyakkannya latihan dan berilah kursus yang sungguh-sungguh supaya kecekapan kepada pegawai-pegawai dalam Jabatan Penerangan ini.

Saya juga menyokong Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi menyatakan pegawai-pegawai luar kita biarlah terdiri dari anak tempatan misalnya kalau di sebelah Parit (Perak) biarlah orang Parit yang bertugas, jangan pula orang di sebelah utara macam Penang, seolah-olah macam itek air bercakap dengan itek serati pula lagaknya. Jadi fahaman-fahaman yang semacam inilah yang kita hendakkan pegawai-pegawai kita ini biarlah anak tempatan, kalau anak lain dari luar negeri pun hendaklah dilatih mereka supaya sesuai dengan bahasa loghat untuk tempatan ini supaya mereka senang memahaminya.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Aktiviti (4)—Penerbitan, muka surat yang sama. Ahli Yang Berhormat dari Parit tadi ada menyatakan penerbitan ini membazir begitu

banyak tetapi pada pendapat saya penerbitan ini patut ditambah lagi, digandakan daripada \$1,755,940 itu ditambah gandakan lagi, kerana sangat penting bagi mewujudkan hubungan rakyat dengan Kerajaan melalui tulisan yang boleh dibaca. Beliau berkata dalam majallah itu tidak ada begitu bernilai tetapi pada pendapat saya majallah Sinar Zaman ini begitu cantik, bukan harga 30 sen, mungkin ini adalah satu daripada subsidi yang diberi oleh Jabatan Penerangan. Yang saya tahu "Sinar Zaman" dalam Bahasa Malaysia begitu cantik, dalam bahasa Cinanya "Tau Seh", dalam bahasa Tamilnya majallah itu ditulis "Udayam", Buku Rasmi Tahunan Bahasa Malaysia dan Inggeris, Pembaharuan Bahasa Malaysia. Ini sangatlah mustahak dibanyakkan lagi. Begitu juga Terbitan Berkala—ad hoc. Ad hoc ini Ucapan Rasmi daripada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri kita, Cenderamata Perayaan Nasional, sebarannya tidak menyeluruh. Yang dikatakan banyak itu bukannya fasal banyak tetapi fasal tidak diberi kepada orang ramai membacanya, bertapak di atas pejabat itu. Katanya kalau hendak ambil berapa pun, ambillah, itulah ucapan pegawai-pegawai itu. Jadi kita buat secara lepas perang dahulu, dihantar kepada Penghulu, sekolah-sekolah, guru-guru, Dewan Orang Ramai, semua tempat-tempat yang boleh dibaca oleh rakyat. Itulah sebabnya saya katakan, ini mustahak sangat dilebihkan lagi penerbitannya dan wangnya ditambah lagi.

Jabatan Perdana Menteri juga ada mengeluarkan risalah-risalah ataupun buku pamphlet berkaitan dengan ugama, sepatutnya Jabatan Penerangan ini menolong, bagaimana memasukkan jadual penyiaran di TV Malaysia, Muqadam, mengajar sembahyang, tolonglah sebarakan juga majallah-majallah kecil daripada Jabatan Perdana Menteri ini yang saya faham cuma di Kuala Lumpur sahaja disebarakan. Saya ada menengok buku-buku itu, tetapi di luar daripada Kuala Lumpur ada juga Kerajaan-kerajaan Negeri mengeluarkan pamphlet-pamphlet mereka.

Saya tidak hendak mengambil masa lagi dan saya menyokong penuh di atas peruntukan Kementerian Penerangan ini dan saya mengucapkan tahniah di atas pelaksanaan kerja-kerja suci, kerja-kerja baik

dan juga cekap pegawai-pegawainya. Akhirnya saya mengucapkan terima kasih dan tahniah.

**Tuan Pengerusi:** Oleh kerana ada masa dalam 4, 5 minit lagi, maka saya akan minta sekarang ini Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.42 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Pengerusi, insya Allah saya akan cuba menggunakan masa yang sedikit ini dengan menyentuh beberapa perkara di bawah Maksud B. 45 dan B. 46.

Perkara yang pertama yang saya hendak sebutkan ialah Butiran 1100, Aktiviti (6)—Geraksaraf. Saya cukup menyokong ucapan Yang Berhormat Menteri semalam bahawa di antara aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan ialah melalui wayang kulit dan sebagainya. Saya berharap supaya di antara gerakan geraksaraf ini hendaklah kita cuba mengadakan satu sistem menahan (prevention) sebelum daripada sesuatu perkara itu berlaku.

Saya seorang yang datang dari pengkalan hadapan di mana gerakan-gerakan subversif ini mungkin datang, misalnya pada empat tahun dahulu saya sendiri terdapat beberapa risalah dan risalah-risalah ini adalah risalah-risalah yang membahayakan dan selepas itu barulah pihak-pihak yang berkenaan telah menghantarkan pasukan petugasnya untuk mencegah. Saya mengharapkan supaya di kawasan-kawasan seperti ini langkah-langkah hendaklah dibuat supaya penyakit-penyakit seperti ini hendaklah kita cegah sebelum ia mendatang atau sebelum ianya merebak.

Di antara cara-caranya ialah gerakan-gerakan hendaklah dibuat kepada seluruh persatuan-persatuan belia, gerakan-gerakan hendaklah dibuat di sekolah-sekolah di tempat-tempat berkenaan, gerakan-gerakan hendaklah kita buat dari semasa ke semasa kepada Penghulu, Ketua Kampung, Imam dan sebagainya supaya mereka ini akan menjadi satu benteng pertahanan walaupun serangan-serangan ini datang pada suatu masa yang akan datang.

Seterusnya saya ingin menyentuh B. 46, Butiran 1100, Aktiviti (2) mengenai bahan-bahan siaran dalam TV. Saya dapati pada

hari ini amat kurang sekali bahan-bahan yang kita dapat lihat yang berasal daripada Sabah dan Sarawak. Demi untuk mempercepatkan perpaduan di antara dua pihak iaitu Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak ini, saya harap bahan-bahan untuk TV diperbanyakkan lagi daripada Sabah dan Sarawak. Begitu juga kalau kita lihat drama-drama yang disiarkan seminggu sekali itu, saya maksudkan di dalam siaran Rangkaian Nasional, kebanyakan drama ini berasal daripada Kuala Lumpur, pelakunya dari Kuala Lumpur, tempatnya Kuala Lumpur, paling jauh agaknya, mungkin sekali-sekali di Pulau Pinang dan juga di Genting Highlands, Pahang pelakun-pelakun dibawa berlakun. Apalah salahnya scenerynya dibawa juga ke negeri-negeri lain, Sabah dan Sarawak umpamanya, di samping pelakun-pelakun itu juga didatangkan dari tempat-tempat yang berkenaan.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh Maksud B. 46, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Perkhidmatan Luar Sivik. Ini adalah berkenaan dengan pegawai-pegawai luar. Saya berharap pegawai-pegawai luar ini selain daripada kerja-kerja baik yang telah mereka jalankan pada hari ini hendaklah dari semasa ke semasa dikerapkan mereka ini di kursus-kursus mengenai perkara-perkara yang berlaku semasa dan perkara-perkara penting, umpamanya dalam issue pendatang haram pada hari ini dan mereka ini biarlah competent untuk memberi ceramah-ceramah atas segala perkara yang menyentuh keadaan negara pada sesuatu masa yang tertentu dan juga saya harap supaya penceramah-penceramah ini janganlah hendak cuba berceramah tentang perkara-perkara yang mereka sendiri tidak begitu bijak, umpamanya dalam bidang agama. Biarlah mereka yang dianggap bijak di bidang-bidang agama sahaja berceramah dalam agama kerana saya sendiri telah bertemu, saya memang kenal ia tidak begitu banyak pengalaman dalam agama, cuba berceramah dalam hal-hal agama. Saya rasa ini adalah satu perkara yang patut diambil perhatian oleh pihak Kementerian ini dan sekiranya pihak Kementerian ini kekurangan pegawai-pegawai yang berlatarbelakangkan keagamaan ini maka hendaklah ditambahkan.

Saya rasa oleh sebab masa telah habis, saya keseluruhannya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini di atas

segala kerja-kerja baik yang telah dijalankan setakat hari ini dan saya menyokong di atas peruntukan yang dipohonkan oleh Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Masa untuk berbahas telah cukup. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk menjawab.

4.47 ptg.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengemukakan pandangan-pandangannya tentang Kementerian Penerangan sambil mengucapkan juga terima kasih di atas sebarang sanjungan yang telah diberikan.

Saya nampak ada banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun faham akan besar dan beratnya tugas yang ada pada Kementerian Penerangan ini dan telahpun menyatakan sanjungannya, sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Sepang mengatakan tadi bahawa mutu daripada tugas yang dijalankan oleh Kementerian Penerangan ini memang tinggi dan perkara ini memang telahpun dinyatakan oleh pihak-pihak yang lain pula kerana bagi mereka yang telahpun mengetahui tentang kegiatan-kegiatan penerangan terutama penyiaran dan TV di negara-negara yang lain, mereka dapati bahawa apa yang kita laksanakan di negara kita ini boleh dikatakan mutunya hampir sama dengan yang dapat dilakukan oleh negara-negara yang lain, walaupun dari segi TV ini kita lebih mengutamakan tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti Kerajaan daripada tugas-tugas menghiburkan rakyat.

Dari segi itu, saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih di atas pandangan-pandangan itu walaupun ada yang mengatakan jangan selalu sangat kritik Kementerian Penerangan ini, kalau tidak nanti gambarnya tidak keluar di TV ataupun nanti beritanya pun tidak akan keluar di radio, itu bukan satu ukuran. Saya suka atau bersedia menerima sebarang teguran dan pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dengan adanya pandangan-pandangan dan teguran-teguran itu ia akan membolehkan pegawai-pegawai saya menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih

sempurna lagi dan mungkin ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu yang merupakan kelemahan-kelemahan yang didapati, maka dengan adanya pandangan-pandangan itu sebarang kelemahan itu akan dapat pula kita atasi untuk menentukan bahawa tugas dan tanggungjawab yang ada pada Kementerian Penerangan ini akan sentiasa dapat berjalan dengan lancar.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang yang telahpun membantu saya menjawab tentang teguran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit tadi. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang itu dari segi penerbitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan sendiri adalah benar, iaitu kita tidak mengeluarkan penerbitan-penerbitan yang berlebihan yang boleh dianggap membazir seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit. Saya sebutkan beberapa angka di sini, dari segi terbitan buku-buku kecil mengenai dasar-dasar atau mengenai perkara-perkara yang penting untuk pengetahuan umum biasanya kita terbitkan dalam Bahasa Malaysia (Rumi dan Jawi).

Dalam Bahasa Malaysia (Rumi) kita menerbitkan sebanyak 15,000 naskhah pada lazimnya dan di dalam bentuk Jawi kira-kira 10,000 naskhah. Dari segi ini boleh kita nampak sejauh mana benda ini boleh dianggap membazir ataupun tidak, malahan kadang-kadang bagi makalah tertentu yang kita terbitkan kita dapati bahawa permintaan daripada orang ramai bertambah daripada semasa ke semasa dan kita terpaksa mencetak balik. Pendek kata dari segi terbitan yang kita keluarkan ini adalah bersesuaian dengan keperluan yang ada daripada semasa ke semasa dan kalau ada masalah yang boleh dianggap membazir memang selalu kita atasi dan bukanlah tugas kita untuk mengeluarkan sesuatu makalah itu dengan tujuan membazir. Tujuan kita ialah agar sebarang makalah yang kita keluarkan itu dapat terus dikeluarkan dan dapat diterima, dapat diteliti dan dapat difahami oleh orang ramai. Dengan demikian mereka akan dapat pula memahami tentang dasar-dasar dan rancangan-rancangan kerajaan dengan betul daripada semasa ke semasa.

Dari segi buku bergambar yang kita keluarkan pada kelazimannya kita cetak sebanyak 50,000 naskhah. Kemudian menyentuh tentang masalah majalah-majalah yang kita keluarkan, ada 4 majalah yang kita keluarkan. Pertama, Sinar Zaman dalam Bahasa Malaysia, dan ada satu lagi saya lupa namanya, dalam bahasa China majalah itu bernama "Tau Seh" dan dalam bahasa Tamil bernama Udayam. Betul pada masa dahulu majalah ini meliputi kegiatan daripada RTM dan menimbangkan bahawa perlunya majalah ini sebagai salah satu daripada alat penghubung di antara Kementerian dengan orang ramai bagi menyampaikan maklumat yang tertentu daripada orang ramai sambil menerima maklumat balas dari orang ramai melalui majalah itu maka kandungan daripada majalah ini telahpun kita ubah, bukan lagi merupakan majalah yang hanya menggambarkan kegiatan RTM sahaja tetapi ianya mengandungi bahan-bahan daripada penglibatan orang ramai sendiri tentang perkara-perkara yang boleh membawa kebajikan kepada orang ramai dan juga kepada negara. Dan majalah yang kita cetak ini pun kita cetak dengan mutu yang baik dan kita jual dengan harga yang murah dan boleh dikatakan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang seolah-olah majalah ini kita jual dengan cara subsidi. Tetapi namun demikian walaupun kandungannya telah diperbaiki, mutu pengeluarannya telahpun kita tingkatkan dan perkara-perkara yang dimasukkan di dalam majalah itu meliputi berbagai aspek yang boleh mendatangkan minat pada orang ramai bahawa sambutan orang ramai tentang majalah ini belum lagi mengalakkan. Maka kadangkala dari segi kita hendak menambahkan terbitan-terbitan kita yang ada kita menghadapi kesulitan pemasaran kita sendiri iaitu sejauh mana orang ramai dapat membeli dan membaca sebarang majalah yang ada. Namun begitu, kita akan meneruskan usaha menerbitkan majalah ini kerana kita rasa majalah-majalah sedemikian ada faedahnya dari segi hendak menghubungi orang ramai dari semasa ke semasa.

Menyentuh tentang masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang terutama tentang pandangan beliau tadi seolah-olah RTM tidak memainkan peranan yang wajar dari segi hendak mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan dan beliau juga mengatakan bahawa seolah-olah

RTM ini bertugas untuk membentuk pula beberapa bentuk kebudayaan di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya suka menyebut tentang tugas RTM sendiri di bawah Kementerian Penerangan adalah seperti berikut:

- (1) menerangkan secara mendalam akan dasar-dasar dan rancangan Kerajaan kepada segenap lapisan hidup rakyat untuk memperkukuhkan lagi perpaduan dan keselamatan negara;
- (2) mewujudkan dan menggalakkan minat serta penyertaan-penyertaan daripada rakyat untuk menerima perubahan-perubahan yang bersesuaian dengan hasrat dan usaha-usaha Kerajaan memajukan taraf sosio-ekonomi berpandukan kepada objektif-objektif dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga;
- (3) menyediakan dan mengadakan bahan-bahan yang sesuai untuk menyalurkan pendidikan am, penerangan dan hiburan-hiburan melalui media-media sebaran am bagi meninggikan kesedaran rakyat terhadap perkembangan kesenian dan kebudayaan Malaysia;
- (4) meningkatkan lagi kerjasama dengan agensi-agensi pelaksanaan dan agensi-agensi pusat Kerajaan untuk mewujudkan suatu sistem komunikasi yang membolehkan penyaluran penerangan-penerangan yang berkesan terhadap rakyat dapat dicapai.

Jadi ini memang sudah ada di dalam tugas dan tanggungjawab RTM sendiri dan sepertimana yang kita maklum RTM dari segi TV baru berusaha 15 tahun sahaja, kita akan mencapai umur 15 tahun pada 28hb Disember ini. Dari segi Radio Malaysia kira-kira 21 tahun umurnya—selepas negara mencapai kemerdekaan dan usaha membentuk satu kebudayaan nasional ini bukan terserah kepada Kementerian Penerangan sahaja tetapi ada agensi-agensi yang lain terlibat di dalamnya. Malahan pada hari ini masalah membentuk suatu kebudayaan nasional menjadi suatu perbincangan yang besar dan menimbangkan bahawa pengujudan satu kebudayaan nasional ini penting maka Kerajaan telahpun menubuhkan satu majlis yang disebut Majlis Kebudayaan Negara (National Cultural Council) yang

akan membincang dan mengemukakan syor-syor bagi dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi mencapai tujuan atau matlamat mewujudkan suatu kebudayaan kebangsaan.

Dari segi Kementerian Penerangan di dalam rancangan-rancangannya kita mendapat panduan (guidance) daripada Majlis ini daripada semasa ke semasa malahan walaupun diwujudkan satu Jawatankuasa Penyelaras Pelaksanaan syor-syor yang dikemukakan oleh Majlis ini yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Menteri Penerangan sendiri untuk menentukan bahawa usaha bagi mewujudkan suatu kebudayaan kebangsaan ini melalui rancangan-rancangan yang ada pada RTM sendiri dapat berjalan dengan lancar dari semasa ke semasa. Pendek kata RTM khususnya Kementerian Penerangan tidak akan lari daripada tanggungjawab yang ada ini kerana inilah suatu tanggungjawab yang besar yang telah diserahkan kepada kita dan kita akan cuba dengan seberapa yang dapat bagi melaksanakan tanggungjawab ini dengan seberapa cepat yang boleh.

Namun begitu saya fikir perlulah kita ingat bahawa perkara mewujudkan suatu kebudayaan nasional bukanlah satu perkara yang mudah, ianya akan memerlukan masa yang agak lama jua dan usaha yang gigih dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, mengenai masalah pembayaran artis yang dikatakan tadi telah menjadi satu issue yang besar juga di kalangan artis. Memang perkara ini telah dimaklumkan kepada saya sendiri. Dari segi saya, boleh saya katakan, saya sayang kepada artis-artis kita. Tetapi saya tidak akan meminta mereka itu menyayangi saya. Sebab sebagai Menteri yang bertanggungjawab kepada Radio dan TV, saya fikir Kementerian ini adalah bertanggungjawab juga dari segi perkembangan dan kemajuan artis-artis di dalam negara kita. Kerana tidak boleh dinafikan bahawa Radio dan TV merupakan saluran yang terpenting kepada mereka untuk menunjukkan bakat-bakat mereka. Kalau tidak ada TV mungkin sukar mereka itu hendak memajukan bidang yang ada pada diri masing-masing.

Dan masalah artis ini terutama dari segi pembayarannya, saya akui kadangkala terdapat kelambatan pembayaran. Dan daripada rekod yang ada pada kita bahawa

dari segi pembayaran artis ini ada dua. Pertamanya, kalau pembayaran untuk artis itu bernilai \$100 ke bawah maka bayaran itu diselesaikan serta-merta selepas artis-artis itu selesai menjalankan tugasnya. Tetapi bagi mana-mana bayaran yang melebihi \$100 maka telah ditentukan satu peraturan bahawa bayaran itu akan dibuat melalui cek dan cek itu akan diposkan kepada alamat yang disampaikan kepada Bahagian Pentadbiran di RTM sendiri. Tetapi apa yang kita tahu kadangkala apakala kita telah poskan surat ini ke alamat yang diberikan kepada kita, surat itu tidak ada penerimanya. Maka di situlah berlakunya kelambatan di dalam hal ini. Jadi saya harap kalaulah artis-artis itu telah berpindah daripada alamat yang asalnya, silalah beritahu kepada RTM agar sebarang kelambatan yang mungkin disebabkan oleh salah alamat ini dapat kita atasi.

Namun begitu, saya telah mengatakan kepada artis-artis bahawa kalau mereka itu ada sebarang masalah yang ada kaitannya dengan RTM, tidak semestinya masalah itu hanya dari segi bayaran sahaja, mungkin ada masalah-masalah lain yang telah mereka alami selama ini bahawa mereka itu boleh menghubungi Jawatankuasa Penilaian yang dipengerusikan oleh saya sendiri untuk menyampaikan sebarang keluh kesah yang ada pada mereka itu. Jawatankuasa ini sedia menerima sebarang keluh kesah mungkin atau sebarang masalah yang ada pada mereka. Kerana saya sentiasa mahukan wujud kerjasama dan persefahaman yang baik di antara artis-artis dengan RTM sendiri. Sebab ada peranan dua hala yang perlu baik bagi artis mahu pun RTM sendiri. Tetapi sampai setakat ini, Jawatankuasa ini telah ditubuhkan hampir setahun, Jawatankuasa ini belum lagi menerima apa-apa pengaduan atau apa-apa masalah daripada artis-artis.

Saya harap kalau ada masalah yang lain, tidak payahlah tunggu Parlimen ini bersidang untuk mengemukakan masalah mereka walaupun ini juga boleh dibuat. Saya tidak menghalang, tetapi telahpun ada Jawatankuasa Penilaian ini yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan kalau ada masalah, silalah kemukakan masalah itu supaya masalah-masalah itu dapat ditengokkan dan kalau dirasakan berpadan, dapatlah kita atasi dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, semalam Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telahpun menyebut tentang penyalahgunaan kemudahan-kemudahan penerangan untuk tugas-tugas tertentu dalam masa pilihanraya walaupun Ahli Yang Berhormat itu tidak menjelaskan dengan sebenar-benarnya apakah dia penyalahgunaan kemudahan-kemudahan itu.

Tuan Pengerusi, saya rasa bahawa tuduhan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar dan kalau Ahli Yang Berhormat bermaksud bahawa kemudahan-kemudahan penerangan telah digunakan untuk kempen Parti Barisan Nasional dalam Pilihanraya yang lalu, ini adalah suatu tuduhan yang saya fikir cukup berat dan suatu tuduhan yang tidak berasas.

Tuan Pengerusi, Jabatan Penerangan mempunyai tugas yang khusus lagi luas daripada semasa ke semasa. Dan salah satu daripada tugas yang berat itu ialah menerangkan secara mendalam akan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan kepada segenap lapisan rakyat untuk memperkukuhkan lagi perpaduan dan keselamatan negara. Ini adalah satu tugas yang berat yang mana mesti kita lakukan pada setiap masa, kerana ada pihak lain juga yang cuba menerangkan dasar dan rancangan-rancangan masing-masing yang mungkin bertentangan dengan dasar-dasar dan rancangan-rancangan yang ada pada Kerajaan sendiri dan juga rancangan-rancangan dan dasar-dasar yang ada pada negara. Dan menimbangkan itu bahawa tugas yang ada pada Jabatan Penerangan ini terpaksa dilaksanakan pada sebilang masa dan pada sebarang keadaan baik semasa keadaan aman ataupun keadaan dharurat mahupun di dalam keadaan yang bergelora. Dan tugas ini pun akan terus dijalankan baik semasa negara menghadapi pilihanraya ataupun tidak. Ini ialah kerana pihak-pihak parti lawan atau pihak-pihak yang anti-nasional akan sentiasa hendak cari peluang hendak mengelirukan rakyat. They will take chances all the time. Jadi kalau bahasa biasa, dia akan cuba ambil chan. Jada sebelum dia ambil chan, kita jangan beri dia chan dan jangan kita beri dia apa-apa peluang, tetapi kalau kita tidak menjalankan tugas menerangkan pada sebilang masa, kemungkinannya kita akan menyediakan kepada mereka itu peluang untuk menaburkan penerangan-penerangan yang salah kepada rakyat.

Tuan Pengerusi, tugas ini pun akan terus dijalankan baik saya katakan samada negara menghadapi pilihanraya ataupun semasa tidak ada pilihanraya dan daripada tugas-tugas yang saya sebutkan di atas tadi, maka tugas memberi atau menerangkan secara mendalam akan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan pada segenap lapisan rakyat untuk keselamatan dan kepentingan negara adalah menjadi tugas yang penting kepada Jabatan Penerangan ini agar rakyat akan terus faham tentang dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan yang ada dan akan terus memberikan kerjasama mereka untuk menjayakan pelaksanaan segala dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan ini untuk kepentingan negara dan bangsa. Dan tugas menerangkan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan ini menjadi lebih penting lagi sepertimana yang saya katakan tadi dengan adanya perbuatan daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, iaitu usaha-usaha daripada parti-parti Pembangkang dan golongan anti-nasional yang cuba memutar belitkan kenyataan dengan tujuan mengelirukan rakyat serta mengalihkan pandangan dan peranan rakyat agar segala rancangan dan dasar-dasar Kerajaan yang ada dapat digagalkan.

Dan sebagaimana yang telah kita maklum bahawa segala putarbelit yang berlaku itu pada lazimnya dijalankan dengan ber-sungguh-sungguh ketika berlangsungnya sesuatu pilihanraya baik pilihanraya kecil mahupun pilihanraya umum. Maka untuk menentukan bahawa rakyat akan dapat membuat pilihan dan keputusan yang benar-benar. Usaha-usaha menerangkan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan terpaksa juga dilakukan semasa berlakunya sesuatu pilihanraya itu.

Tuan Pengerusi, cara-cara yang digunakan oleh Jabatan Penerangan bagi menerangkan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan ini ialah dengan mengadakan kursus-kursus, ceramah-ceramah ataupun perhimpunan sivik dari semasa ke semasa. Dan di dalam kegiatan sivik ini Jabatan Penerangan bukan sahaja menjemput Ketua-ketua Jabatan menerangkan tugas-tugas dan tanggungjawab masing-masing yang mungkin membosankan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh semalam, bahkan tokoh-tokoh tempatan yang mahir dalam bidang-bidang tertentu khususnya mereka yang dirasa boleh membantu di dalam

membina semangat rakyat, rela bekerja dan berkorban untuk negara dan bangsa juga diundang untuk menyertai dan memberi ceramah di dalam kegiatan-kegiatan sivik. Wakil-wakil Rakyat juga disertakan di dalam kegiatan sivik ini. Tetapi yang mendukacitakan sedikit ialah kadangkala Jabatan Penerangan tidak dapat kerjasama sepenuhnya daripada tokoh-tokoh yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Parit menyatakan bahawa kadangkala Pegawai-pegawai Penerangan kita mungkin semasa sivik atau sebagainya tidak dapat memberikan penerangan yang cukup baik dan ada pula yang mengatakan seperti Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang tadi mengatakan ada Pegawai Penerangan yang bertugas adalah mereka yang gagap. Saya tidak tahu lah berapa orang yang sebenarnya yang ada ini gagap, atau berapa berat gagapnya itu, mungkin kadangkala mereka ada darah gemurohnya. Jadi, sewaktu terserempak dengan satu keadaan maka tertahanlah dahulu perasaannya sebelum sesuatu itu dapat dikeluarkan. Namun begitu, saya akui ada kelemahan-kelemahan yang tertentu yang ada pada pegawai-pegawai kita di peringkat bawah, saya tidak menafikan, kemungkinannya ada, terutama mereka yang belum lagi dapat fahaman yang cukup baik tentang perkembangan-perkembangan yang berlaku daripada semasa ke semasa, apatah lagi kalau timbul sesuatu perkara yang besar di mana Kerajaan belum lagi menentukan pendiriannya. Maka dari segi itu kadangkala Pegawai-pegawai Penerangan dan juga pegawai-pegawai Kerajaan yang lain mungkin pada ketika itu belum lagi dapat menerima apakah pendirian Kerajaan yang sebenar tentang masalah-masalah yang dihadapi pada ketika itu.

Namun begitu, Tuan Pengerusi, usaha telah dibuat oleh Kementerian ini bagi mengadakan orientasi pegawai-pegawai dan kakitangannya dari semasa ke semasa agar mereka itu akan lebih memahami tentang dasar-dasar, tentang tanggungjawab Kerajaan daripada semasa ke semasa supaya apabila nanti mereka menghadapi dengan masalah-masalah yang berkenaan, mereka akan memberi penerangan yang sebenar agar rakyat pula dapat mengetahui dengan betul kedudukan Kerajaan tentang sesuatu issue yang ada.

Sambil itu Kementerian ini juga menyampaikan pendirian-pendirian Kerajaan mengenai issue-issue yang ada dengan seberapa

segera yang boleh kepada mereka ini agar mereka dapat pula menyampaikan keputusan Kerajaan itu kepada rakyat dengan seberapa segera yang boleh.

Pada peringkat ini Kementerian Penerangan sedang melaksanakan satu kegiatan orientasi lanjutan kepada pegawai-pegawai dan kakitangannya untuk membolehkan mereka ini mempunyai kemahiran yang lebih baik lagi di dalam bidang tugas masing-masing dan kita harapkan nanti dapat kita wujudkan satu kumpulan pakar di dalam Kementerian ini sendiri juga di dalam jabatan-jabatan yang ada padanya yang boleh kita gunakan untuk memberikan penerangan yang tepat lagi cepat apabila timbul sesuatu keadaan atau sesuatu perkembangan yang memerlukan tindakan yang segera daripada Kementerian Penerangan sendiri.

Sambil itu dari segi menyampaikan penerangan-penerangan tentang dasar-dasar, rancangan-rancangan dan pendirian-pendirian Kerajaan yang ada daripada semasa ke semasa segala media yang ada baik Radio, TV dan Jabatan Penerangan memang kita gunakan, lebih-lebih lagi dalam kita menghadapi masalah kemasukan pendatang-pendatang haram pada hari ini, dari segi adanya penyakit kuku dan mulut pada hari ini. Jangan kita fikir adanya masalah pendatang-pendatang haram ini bahawa bahaya penyakit kuku dan mulut itu sudah berkurangan, tidak. Sebab itu kita sedang melancarkan suatu kempen penerangan tentang pendatang-pendatang haram dan juga tentang bahayanya penyakit kuku ini di seluruh negara oleh Jabatan Penerangan, satu rancangan memberi penerangan yang tepat kepada orang ramai sedang disusun dan sedang dijalankan dan saya harap dengan penerangan yang akan dibuat oleh Jabatan Penerangan di semua daerah, maka rakyat akan faham tentang kedudukan pendatang-pendatang haram yang ada ini dan rakyat pula akan mengambil langkah-langkah yang sesuai dari segi bahayanya penyakit kuku dan penyakit mulut yang sedang menyerang negara kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi, menyentuh balik kegiatan sivik ini bahawa kegiatan sivik ini akan terus dijalankan dengan lebih berkesan pada tahun hadapan terutama di kalangan muda-mudi. Keutamaan akan diberi kepada rakyat golongan 30 tahun ke bawah untuk menentukan bahawa jenerasi muda akan terus dapat me-

ainkan peranan dalam pembentukan negara dan bangsa selanjutnya dengan penuh tanggungjawab. Perhatian akan diberi kepada keperluan menambahkan kegiatan sivik bagi penduduk-penduduk di bandar sepertimana yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

Tuan Pengerusi, semalam Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam menyebut tentang apakah kemungkinan RTM mengadakan satu sahaja saluran TV yang mengandungi rancangan untuk semua kaum dan apakah dapat pula diwujudkan rangkaian-rangkaian yang lain yang akan mengutamakan perkara-perkara yang tertentu seperti pelajaran, perniagaan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, syor bagi mengadakan suatu rangkaian RTM atau satu sahaja saluran TV yang mengandungi rancangan-rancangan untuk semua kaum, syor ini saya rasa akan mengakibatkan implikasi yang cukup besar bukan sahaja dari segi kewangan, jumlah masa siaran, reaksi daripada penonton-penonton, malahan ianya akan menyebabkan mungkin gangguan daripada banyak segi khususnya yang ada kaitannya dengan penyiaran. Sambil itu hasil yang kita harapkan mungkin tidak begitu berkesan, kerana bila siaran itu dimulakan terlalu awal dan diakhiri terlalu lambat hingga ke larut malam, kemungkinannya jumlah penonton yang hendak kita tujukan tidak akan tercapai. Ini sudah tentu akan merugikan bukan sahaja dari segi usaha yang ditumpukan, kewangan yang dibelanjakan, lebih-lebih lagi dari segi maksud yang hendak dicapai dengan mengadakan perkhidmatan TV yang serupa itu. Sedangkan dengan wujudnya Rangkaian Pertama, Rangkaian Kedua dan Rangkaian Ketiga dan TV Pendidikan yang ada pada hari ini, maka perkhidmatan-perkhidmatan itu belum lagi dapat memenuhi keperluan Kerajaan, apatah lagi dari segi hendak memenuhi keperluan rakyat pada hari ini. Lebih-lebih lagi dari segi hendak menambahkan lagi rancangan-rancangan yang sesuai bagi memenuhi keperluan Kerajaan dan juga keperluan rakyat.

Saya percaya Kerajaan perlu terus mengkaji tentang kemudahan-kemudahan perkhidmatan TV yang ada pada hari ini, terutama untuk menentukan bahawa keperluan Kerajaan yang meningkat ini dapat dipenuhi

dan keperluan penonton-penonton yang meningkat itu juga dapat diatasi berdasarkan kepada kemudahan-kemudahan yang sedia ada pada hari ini.

Mengenai cadangan beliau selain daripada Rangkaian Nasional ini diwujudkan pula rangkaian-rangkaian yang baru yang mengutamakan bidang-bidang yang khusus seperti pelajaran, perdagangan dan sebagainya. Sebenarnya TV Malaysia sudahpun melaksanakan cadangan itu iaitu dengan adanya Rangkaian TV Pendidikan. Namun begitu, syor beliau ini adalah satu syor yang baik yang saya fikir boleh diambil kira di dalam sebarang pengkajian yang akan terus dibuat oleh Kerajaan tentang perkhidmatan TV yang ada pada hari ini untuk memenuhi keperluan yang meningkat pada masa-masa ke hadapan.

Mengenai cadangan beliau agar johan Qari dan Qariah Musabaqah Membaca Al-Quran menjadi pembaca-pembaca tetap di RTM, benarnya perkara ini telahpun dilaksanakan dari semasa ke semasa. Namun begitu, kita merasakan perlu juga agar Qari dan Qariah yang terkemuka lainnya juga perlu diberi peluang sambil kita menyediakan kemudahan kepada bakat-bakat yang lain. Kita merasa dengan cara ini para penonton akan dapat menikmati dan mendengar bacaan yang baik, bahkan akan pula mendorong kepada pertumbuhan dan perkembangan bacaan Al-Quran di dalam negara ini sambil menggalakkan pertumbuhan bakat-bakat yang baru terutama di kalangan muda-mudi di dalam tanahair.

Sambil itu suka saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa mulai daripada 1hb Disember, rancangan membaca Al-Quran di permulaan dan di akhir rancangan TV seperti yang ada pada hari ini akan diubah dengan cara yang baru yang lebih menarik dan yang mungkin lebih berkesan lagi iaitu dengan disertakan pula terjemahan kepada ayat-ayat yang dibacakan itu dan sudah tentu nanti apabila kita telah masuk kepada perkhidmatan TV berwarna maka persembahan ini akan lebih menarik daripada apa yang dapat dilihat di dalam hitam-putih.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menyentuh tentang fileman tempatan dan saya nampak ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain

menyentuh tentang masalah ini khususnya Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang nampaknya bersungguh-sungguh dan beberapa kali menyebutkan masalah keperluan membanyakkan lagi filem tempatan iaitu menurut beliau filem tempatan yang menggunakan Bahasa Malaysia, sambil beliau juga menyebutkan bahawa kita mesti kurangkan filem-filem atau rancangan-rancangan yang menggunakan bahasa Inggeris. Saya tidak tahulah apakah Ahli Yang Berhormat itu tidak suka kepada bahasa Inggeris ataupun tidak begitu minat dengan rancangan-rancangan dalam bahasa Inggeris.

Sebenarnya dari segi matlamat RTM sendiri, kita mempunyai matlamat mengeluarkan rancangan-rancangan tempatan sebanyak 60% rancangan-rancangan asing 40%. Setakat ini kita telah capai 55% dan hanya 45% sahaja rancangan-rancangan asing yang kita tayangkan dan rancangan-rancangan asing itu bukan sahaja dalam bahasa Inggeris, ada juga yang dalam bahasa Tamil atau bahasa Urdu atau filem-filem Hindustan atau filem-filem Tamil. Ada juga di dalam bahasa Mandarin, seperti filem-filem China dan ada juga Documentaries yang telah kita alihbahasa menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Dari segi alihbahasa ini, kita sedang meninjau balik tentang kegiatan alihbahasa di RTM ini sendiri, walaupun pada hari ini kita telah dapat mengalihbahasa filem-filem Documentary dan juga filem-filem Cartoon dan beberapa filem yang kita masukkan daripada luar negeri. Memang masalah alihbahasa ini seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat semalam boleh menambah pengeluaran-pengeluaran atau bahan-bahan yang menggunakan Bahasa Malaysia, bukan mestinya menambah bahan-bahan keluaran tempatan, tetapi boleh menambah bahan-bahan rancangan di dalam Bahasa Malaysia. Kita sedang mengkaji masalah alihbahasa ini agar dapat diperbaiki lagi dan diperluaskan, menimbangkan bahawa kita tidak mendapat bekalan filem-filem dan kita belum lagi dapat membuat rancangan-rancangan tempatan yang menggunakan Bahasa Malaysia dengan lebih banyak lagi menimbangkan masalah-masalah dan kemudahan-kemudahan yang agak terbatas yang ada pada kita pada hari ini. Namun begitu usaha-usaha akan

terus dibuat bagi menentukan bahawa penggunaan Bahasa Malaysia di dalam rancangan-rancangan yang ada pada RTM akan terus dapat dimajukan dan diperbanyakkan lagi daripada semasa ke semasa.

Sekarang ini sedang kita menghadapi masalah ini, kita pula telah berpindah kepada masalah melancarkan perkhidmatan TV berwarna. Ini juga akan menimbulkan masalah yang baru dari segi kita hendak menambahkan rancangan-rancangan tempatan oleh kerana ini akan ada kaitannya dengan masalah physical development terutama dari segi perubahan studio yang terpaksa kita lakukan untuk menampung perkhidmatan TV berwarna yang akan dilancarkan mulai daripada 28hb Disember ini. Tetapi namun begitu dari segi filem-filem tempatan, ini adalah satu perkara yang cukup besar, malahan semalam Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengatakan filem lama pun tidak apalah, asalkan filem tempatan dan kurangkan filem-filem daripada Indonesia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, negara kita pada hari ini, saya fikir mengeluarkan kurang daripada 5 buah filem setahun. Sekarang nampaknya pada tahun ini kegiatan mengeluarkan filem-filem tempatan adalah bertambah. Ini akan memberi harapan kepada kita bahawa akan adalah filem-filem tempatan yang bertambah pada masa-masa yang ke hadapan ini. Sedangkan dari segi kita hendak menggunakan filem-filem lama untuk ditayangkan di TV pembekal-pembekal filem atau tuan-tuan punya filem ini tidak berani menyebutkan harganya kerana filem-filem itu tidak ada nilainya atau terlalu tinggi nilainya, mereka tidak boleh hendak sebut (quote) harganya. Kalau ditanya berapa harganya, mereka tidak berani menyebut berapa harga yang sebenarnya kerana jumlah filem tempatan yang ada sekarang memang cukup terbatas, jadi mengikut hukumannya kalau supplynya sedikit, demandnya ada maka harganya mesti naik. Bukan sahaja harganya naik, mereka pun tidak berani sebut (quote) harganya. Kadangkala untuk menyiarkan satu filem tempatan melalui TV, kita terpaksa membayar harga yang agak besar jua walaupun filem itu kadangkala nampaknya sudah bergarut kerana filem lama dan suaranya pun kadangkala terganggu oleh kerana banyak yang terputus-putus terpaksa disambung. Tetapi untuk memenuhi keperluan penonton, ini terpaksa

kita lakukan. Dan untuk menentukan bahawa kita terus menerus dapat menayangkan filem-filem yang menggunakan Bahasa Malaysia, maka kita terpaksa menayangkan filem-filem daripada Indonesia. Kita terpaksa mengalih suara filem-filem daripada Mesir dan filem-filem Hindustan kadangkala dan filem-filem yang dibuat di Filipina. Ini akan terus kita lakukan sebab kita tidak boleh hendak bergantung semata-mata kepada filem-filem keluaran tempatan yang masih belum banyak lagi keluarannya.

Namun begitu, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Setapak yang mengesyorkan agar peruntukan yang lebih dapat diberi kepada Kementerian Penerangan untuk membolehkan Filem Negara memberi perkhidmatan yang lebih lagi kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan.

Sebenarnya, Kementerian ini ada mempunyai rancangan untuk menambahkan kemudahan-kemudahan di Filem Negara, bukan sahaja bagi menampung keperluan yang bertambah yang diperlukan oleh Jabatan itu sendiri malahan juga untuk membolehkan pihak RTM serta pengusaha-pengusaha filem tempatan khususnya pengusaha-pengusaha bumiputra menggunakan kemudahan-kemudahan itu bagi menambahkan penerbitan bagi pengeluaran filem-filem tempatan yang bermutu tinggi.

Dengan itu adalah diharap kadar nisbah tayangan filem-filem Melayu berbanding dengan lain-lain filem di negara ini akan dapat kita baiki. Masalah besar yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha filem tempatan adalah berhubung dengan masalah pengeluaran, masalah pengedaran dan masalah tempat tayangan. Ini ialah kerana perusahaan filem di dalam negara ini baik dari segi pengeluaran, pengedaran dan tayangan masih dimonopoli oleh dua syarikat yang besar iaitu Shaw dan Cathay. Namun begitu, kita dapati pada hari ini telah dapat satu perkembangan yang agak baru di dalam perusahaan perfileman tempatan iaitu dengan bertambahnya jumlah syarikat-syarikat perfileman tempatan yang sedang mengeluarkan filem-filemnya. Akan tetapi apa yang sedang dilakukan ini belum lagi dapat menjamin kemajuan industri perfileman tempatan sepertimana yang kita harapkan. Maka oleh itu, Kementerian Penerangan menyambut baik dan memberi sokongan yang penuh di atas penubuhan Perbadanan Filem Kebangsaan (National Film

Corporation). Bagi melindungi pengusaha-pengusaha filem tempatan di samping menggalakkan pertumbuhan pengusaha-pengusaha itu sendiri, saya percaya apabila perbadanan itu ditubuhkan nanti, masalah pengeluaran, pendedaran dan tayangan untuk menampung perkembangan dan kemajuan industri perfileman tempatan akan dapat diatasi dengan baiknya. Sementara menunggu terbentuknya Perbadanan Filem Kebangsaan itu, Kementerian Penerangan melalui Filem Negara sedang mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah ini, terutama dari segi menambahkan pengeluaran filem tempatan yang dapat ditayangkan di pawagam-pawagam, di TV dan juga di unit-unit penerangan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Satu Jawatankuasa Petugas telah dibentuk oleh Jawatankuasa Penilaian Kementerian Penerangan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian ini untuk mengkaji, meneliti dan mengesyorkan cara-cara bagi menyelesaikan dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian ini termasuk masalah perbekalan filem-filem tempatan ini, dan diharap Jawatankuasa Petugas ini akan dapat mengemukakan syor-syor bagi diambil tindakan selanjutnya. Salah satu daripada syor yang sedang ditimbang sekarang ialah penubuhan suatu tabung khas untuk membuat filem-filem feature dan semi feature di dalam Bahasa Malaysia untuk membantu di dalam menambahkan lagi pengeluaran filem-filem tempatan. Setakat ini RTM dengan kerjasama Filem Negara telahpun menghasilkan satu filem feature warna yang baik dan Filem Negara pula sedang mengusahakan satu siri filem semi feature yang diharapkan keluaran pertamanya dapat dihasilkan di dalam masa yang singkat.

Selain daripada itu Kerajaan menerusi perbadanan-perbadanan di peringkat negeri dan nasional sedang memperbanyakkan bilangan pawagam-pawagam bagi menampung keperluan pengusaha-pengusaha filem bumiputra untuk menayangkan filem-filem mereka dan lain-lain filem yang boleh memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum. Jikalau sudah banyak pawagam-pawagam ini nanti dan kalau filem-filem keluaran tempatan telah maju, saya percaya bukan lagi panggung Coliseum yang akan menjadi panggung untuk

tayangan perdana akan adalah panggung-panggung yang lebih sesuai, yang lebih baik, yang boleh menaikkan nama filem-filem yang dikeluarkan daripada masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara lagi yang saya fikir patut saya sentuh.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat sudah bercakap 50 minit.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Kalau misalnya tidak diizinkan, saya ambil ingatan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau mustahak, bolehlah dibenarkan sedikit lagi.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Pertama, mengenai masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi di dalam usaha kita menjalankan geraksaraf terutama dalam kita hendak menghadapi masalah-masalah yang ada dan menyampaikan penerangan-penerangan kepada rakyat dengan lebih berkesan lagi. Dari segi psychological operation yang kita jalankan, kita bukan sahaja menggunakan Bahasa Malaysia seberapa banyak yang boleh tetapi untuk keperluan golongan tertentu kita jua menggunakan bukan sahaja pegawai-pegawai yang bukan Melayu malahan kita jua menggunakan bahasa-bahasa yang lain jua baik bahasa China ataupun bahasa Tamil.

Usaha geraksaraf ini akan kita perhebatkan lagi pada masa hadapan dan pada keadaan-keadaan yang timbul daripada masa ke semasa kerana perkara ini mustahak agar rakyat tidak akan terkeliru dengan perkembangan-perkembangan yang ada dan bahawa rakyat akan terus sedar akan tanggungjawabnya untuk terus mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara dan terus memainkan peranan untuk mengujudkan satu Malaysia yang aman damai dan bersatu padu.

Tuan Pengerusi, saya katakan tadi saya akan ambil maklumat di atas pandangan-pandangan lain yang telah disampaikan ini dan saya harap segala pandangan yang baik itu akan dapat dilaksanakan bagi kepentingan dan kebaikan perkhidmatan yang dapat dijalankan oleh Kementerian Penerangan sendiri untuk kepentingan negara dan bangsa.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$21,843,500 untuk Maksud B. 45, \$96,563,700 untuk Maksud B. 46 dan \$24,082,300 untuk Maksud B. 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$1,029,838 untuk Maksud P. 45, \$22,418,930 untuk Maksud P. 46 dan \$1,134,000 untuk Maksud P. 47 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang Majlis akan menimbangkan peruntukan bagi Kementerian Undang-undang di bawah Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Undang-undang mengemukakan.

*Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50 (Jadual)—*

*5.41 ptg.*

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian Undang-undang bagi tahun 1979 yang berjumlah \$20,878,700. Jumlah ini adalah untuk Ibu Pejabat Kementerian Undang-undang dan dua buah Jabatan di bawahnya yang diberi Maksud Bekalan sendiri seperti berikut :

- |  |              |
|--|--------------|
| (i) Maksud Bekalan 48—<br>Kementerian Undang-undang termasuk Jabatan Peguam Negara ...                       | \$17,302,300 |
| (ii) Maksud Bekalan 49—<br>Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbiran Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh ... .. | \$ 1,910,500 |
| (iii) Maksud Bekalan 50—<br>Jabatan Pemegang Harta, Malaysia ... ..  | \$ 1,665,900 |

Perbelanjaan mengurus bagi Kementerian Undang-undang termasuk Jabatan Peguam Negara iaitu Maksud Bekalan 48, terbahagi kepada kegiatan-kegiatan berikut :

- (a) Pentadbiran Am.
- (b) Perkhidmatan Perundingan dan Penasihat.
- (c) Perkhidmatan Pendakwaan.
- (d) Perkhidmatan Guaman.
- (e) Perkhidmatan Bantuan Guaman.
- (f) Biro Siasatan Negara.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia mklum, Kementerian Undang-undang telah ditubuhkan dalam tahun 1974 dengan tujuan menjaga keutuhan dan kedaulatan Undang-undang Negara, kecuali Undang-undang Mahkamah Syariah, di samping menentukan bahawa Undang-undang tersebut dilaksanakan oleh Mahkamah dan lain-lain Penguatkuasa Undang-undang dengan adil dan saksama mengikut Perlembagaan dan sistem demokrasi berparlimen yang dipraktikkan di negara ini.

Bagi membolehkan Kementerian ini menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna, peruntukan sebanyak \$17,302,300 di bawah Kepala Bekalan 48—Kementerian Undang-undang dan Jabatan Peguam Negara, adalah diperlukan mengikut kegiatan-kegiatan berikut.

*Aktiviti (1)—Pentadbiran Am*

Bagi tahun 1979, aktiviti Pentadbiran Am akan dipergiatkan dengan mengemaskan lagi sistem pentadbiran, dan dalam hubungan ini lebih banyak lawatan-lawatan akan dibuat oleh Menteri dan juga Timbalan Menteri sendiri selain daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian ini. Dengan cara ini masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini di seluruh Semenanjung Malaysia dan di Malaysia Timur akan dapat diselesaikan dengan berkesan dan dalam tempoh masa yang paling singkat. Untuk maksud ini dan jua untuk maksud menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa yang diadakan dari semasa ke semasa di luar negeri peruntukan yang mencukupi adalah diperlukan, dan bagi tahun 1979, sejumlah \$1,311,300 adalah dikehendaki.

*Aktiviti (2)—Perkhidmatan Perundang dan Penasihat*

Aktiviti ini merupakan aktiviti yang amat mustahak di Kementerian ini dan meliputi sebahagian besar daripada aktiviti keseluruhannya. Secara ringkas ianya bolehlah dibahagi kepada empat bahagian iaitu :

- (a) Bahagian Penasihat.
- (b) Bahagian Gubalan Inggeris dan Melayu.
- (c) Bahagian Undang-undang An'arabangsa.
- (d) Bahagian Semakan Undang-undang.

Bahagian Penasihat ini merupakan satu Bahagian yang besar oleh kerana Bahagian ini bertanggungjawab untuk memberi nasihat

kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh Semenanjung. Pegawai-pegawai Undang-undang yang berpengalaman ditempatkan di Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Negeri-negeri untuk memberi nasihat kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Negeri-negeri tersebut mengikut keperluannya. Di tiap-tiap negeri seorang daripada Pegawai Perundangan dilantik sebagai Penasihat Undang-undang dan ianya juga ialah ahli Ex-Officio, Ex-Co Kerajaan Negeri serta bertanggungjawab menasihatkan Rulers-in-Council ataupun Duli Yang Maha Mulia di dalam Council dalam hal berkaitan dengan Undang-undang.

Bahagian Gubalan Inggeris dan Melayu adalah bertanggungjawab bagi menggubal dan menterjemah Rang Undang-undang mengikut keperluan Kerajaan dari semasa ke semasa. Tugas ini memerlukan kajian yang teliti dari segala aspek dan merupakan tanggungjawab yang berat kepada pegawai-pegawai yang ditugas menjalankan kerja-kerja ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, apa yang dikemukakan sebagai Rang Undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini adalah hasil daripada usaha yang memerlukan keazaman, ke taatan dan dedikasi daripada pegawai-pegawai yang menggubalnya.

Bahagian Undang-undang Antarabangsa adalah ditugaskan untuk mewakili Kerajaan di dalam persidangan-persidangan antarabangsa baik di dalam negeri mahupun di luar negeri. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, masalah antarabangsa timbul dari semasa ke semasa dan adalah menjadi tugas Kementerian ini untuk mengkaji dan memberi nasihat kepada Kerajaan dalam hal-hal yang berkaitan dengan Undang-undang. Misalnya dalam tempoh beberapa tahun yang lepas, termasuk juga tahun ini, Menteri Undang-undang dan rombongannya terpaksa menghadiri Persidangan Undang-undang Laut dengan tujuan untuk mencapai satu keputusan yang dapat diterima oleh negara kita sendiri.

Bahagian Semakan Undang-undang adalah bertanggungjawab bagi menyemak dan mengemaskan Undang-undang negara ini sesuai dengan dasar Kerajaan kita. Proses ini tentulah memakan masa yang lama. Dan memandangkan kepada tugas-tugas dan

tanggungjawab di atas, Kementerian ini memerlukan peruntukan sebanyak \$3,051,700 iaitu lebih kurang sama banyaknya dengan peruntukan yang diluluskan dalam tahun 1978. Seperti tahun 1978 juga, dari peruntukan tersebut sejumlah lebih kurang \$7,650,000 akan disumbangkan kepada Asian-African Legal Consultative Committee dan sejumlah lebih kurang \$1,275 kepada Commonwealth Legal Advisory Service.

#### *Aktiviti (3)—Perkhidmatan Pendakwaan*

Perkhidmatan Pendakwaan diberi tugas Pendakwaan terhadap kes-kes jenayah di peringkat Mahkamah Rendah hinggalah ke Mahkamah Persekutuan. Menteri Undang-undang sebagai juga Peguam Negara adalah juga Pendakwa Raya di Kementerian ini dan semua pendakwaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai di Jabatan Peguam Negara adalah bagi pihak Pendakwa Raya. Kes-kes besar dan kes-kes rayuan ke Mahkamah Persekutuan biasanya dikendalikan oleh Peguamcara Negara atau Ketua Bahagian Pendakwaan dan Gauman atau Timbalannya.

Di bawah Seksyen 376 (iii) Kanun Acara Jenayah, Pegawai-pegawai Undang-undang selain daripada yang berkhidmat di Mahkamah-mahkamah adalah dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya.

Di peringkat Negeri ketua bagi Bahagian Pendakwaan ini ialah Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri yang menjalankan tugas ini di samping menjadi Penasihat Undang-undang kepada Kerajaan Negeri. Semua pegawai-pegawai undang-undang yang menjalankan tugas bagi pihak Pendakwa Raya adalah juga diberi kuasa di bawah Seksyen 24 Government Proceeding Ordinance, 1956 untuk mendakwa kes-kes sivil bagi pihak Kerajaan di Jabatan Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah telah maklum bahawa Kerajaan telahpun membuat keputusan untuk mengenakan hukuman yang berat di dalam kes-kes berkaitan dengan Akta Senjatapi, Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Ordinan Dadah Merbahaya. Banyak kes-kes di bawah Akta-akta ini telah dibicarakan di seluruh negara dan kebanyakan kes-kes ini dirayu ke atas hingga ke Mahkamah Persekutuan dan Privy Council.

Kes-kes yang dirayu ke Mahkamah Persekutuan dan Privy Council ini dengan sendirinya akan melibatkan pegawai-pegawai undang-undang yang terkanan di Kementerian ini dan ini tentulah membebaskan lagi tugas-tugas dan tanggungjawab Pegawai-pegawai Kanan di Ibu Pejabat.

Untuk maksud-maksud yang telah saya sebutkan tadi Kementerian ini memerlukan peruntukan sebanyak \$1,561,300 iaitu kurang sedikit dari peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1978. Dengan permintaan yang berkurangan ini bukanlah bermakna tugas-tugas Kementerian ini di dalam bidang ini akan kurang. Malahan tugas-tugas pendakwaan di Kementerian ini akan bertambah dengan banyaknya sekadarkan sebahagian daripada perbelanjaannya dikenakan kepada peruntukan Pentadbiran Am.

#### *Aktiviti (4)—Perkhidmatan Guaman*

Perkhidmatan Guaman ialah Perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan dengan tuntutan-tuntutan sivil terhadap Kerajaan ataupun bagi pihak Kerajaan. Di antara tuntutan-tuntutan terhadap Kerajaan ialah tuntutan ganti rosak sivil yang berbangkit dari kemalangan jalanraya yang melibatkan kenderaan Kerajaan, ganti rosak kerana kecuaiian (misalnya dari segi perubatan), tahanan salah oleh pihak polis, pembuangan salah dari perkhidmatan dan lain-lain tuntutan seumpamanya. Di antara tuntutan-tuntutan bagi pihak Kerajaan ialah tuntutan-tuntutan untuk mendapat balik wang biasiswa, wang ganti rugi kepada Kerajaan kerana tidak menepati kontrak, tunggakan sewa atau lain-lain ganti rugi yang patut dituntut oleh Kerajaan.

Selain daripada apa yang disebutkan tadi, Bahagian Guaman ini juga menguruskan kes-kes Perlembagaan yang difailkan terhadap Kerajaan untuk mendapat keputusan Mahkamah.

Peruntukan yang dikehendaki untuk Perkhidmatan Guaman ini ialah sebanyak \$361,400.

#### *Aktiviti (5)—Perkhidmatan Bantuan Guaman*

Perkhidmatan Bantuan Guaman di Malaysia memasuki tahun kesembilan menjelang tahun 1979. Tujuan perkhidmatan ini ialah untuk memberi bantuan perwakilan dan nasihat Undang-undang kepada mereka yang memerlukannya tetapi tidak mampu mendapatkannya jika dikenakan pembayaran. Sekim ini adalah ditujukan kepada golongan yang miskin dan yang tidak sangat mempunyai pendapatan.

Perkhidmatan Bantuan Guaman pada masa ini mempunyai sembilan cawangan iaitu di Selangor, Wilayah Persekutuan, Kedah, Kelantan, Trengganu, Perak, Pahang, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Dua cawangan kecil telah juga dibuka di Muar dan di Perlis. Satu cawangan di peringkat negeri telah dibuka di Pulau Pinang pada awal bulan Ogos, 1977 akan tetapi belum dapat bergerak dengan sepenuhnya kerana belum ada pegawai.

Bidangkuasa perkhidmatan ini, yang pada mulanya ditumpukan hanya kepada dua atau tiga perkara mengenai perbicaraan-perbicaraan sivil dan satu perkara di bawah perkhidmatan nasihat, telah diperluaskan seterusnya.

Bidangkuasa Pembantu Undang-undang telah juga dinaikkan sehingga sekarang mereka boleh mewakili Pengarah di Mahkamah Seksyen dan Mahkamah Tinggi dan tidak hanya di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Majisteret sahaja.

Seterusnya perkhidmatan Biro Bantuan Guaman ini akan diperluaskan lagi apabila cawangannya dilancarkan di Sabah berpusat di Kota Kinabalu dan di Sarawak berpusat di Kuching.

Selaras dengan pertambahan tenaga pekerja, perluasan bidangkuasa dan kawasan operasinya, Biro ini akan berusaha seberapa jauh yang dapat untuk memperelokkan lagi jentera pentadbirannya agar kemudahan-kemudahan yang lebih mendekat dan selesa dapat dirasakan oleh golongan yang kurang bernasib baik. Perkembangan perkhidmatan Biro ke Negeri Sabah dan Sarawak akan merupakan suatu cabaran yang besar kepada pusat pentadbiran perkhidmatan ini kerana kawasan ini berlainan keadaan sosio-ekonomi perundangannya dari Malaysia Barat.

Dengan adanya cawangan-cawangan Biro serta kakitangan-kakitangan yang cukup di tiap-tiap negeri dalam Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak itu, Biro ini akan dapat memperhebatkan lagi publisitinya untuk menambahkan lagi kesedaran di pihak golongan miskin supaya mengguna dan mengambil faedah daripada Sekim Kerajaan ini dalam mengatasi masalah undang-undang yang kerap dihadapi oleh mereka.

Untuk mencapai matlamat yang saya sebutkan tadi mungkin memerlukan perbelanjaan yang agak banyak. Sungguhpun demikian, adalah difikirkan lebih baik rancangan ini dipergiatkan sedikit demi sedikit supaya perbelanjaannya tidak bertambah terlalu banyak tiap-tiap tahun dan pentadbirannya dapat disusun dengan kemas untuk memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan. Oleh yang demikian untuk tahun 1979, peruntukan sebanyak \$1,066,400 adalah diperlukan.

#### Aktiviti (6)—Biro Siasatan Negara

Biro Siasatan Negara ditubuhkan dengan tujuan membasmi rasuah dan penyalahgunaan kuasa di kalangan kakitangan Kerajaan dan Perbadanan-perbadanan Awam khususnya dan seluruh masyarakat amnya. Dalam usaha menuju ke arah pencapaian objektif ini, Biro Siasatan Negara telah dapat menjalankan kegiatan-kegiatan yang berkesan dan dengan sendirinya telah mengurangkan dan mengawal amalan rasuah dari berleluasa. Sebagai sebuah badan yang bebas, Biro Siasatan Negara telah menjalankan tugasnya dengan adil dan saksama dengan tidak membezakan pangkat atau kedudukan mereka yang disiasat itu.

Secara ringkas, aktiviti Biro Siasatan Negara ialah seperti berikut:

- (a) Menerima, mengumpul dan mengkaji maklumat-maklumat mengenai rasuah dan penyalahgunaan kuasa dari orang ramai dan mengadakan satu sistem rekod yang memberi kemudahan untuk maksud-maksud rujukan dan tindakan selanjutnya.
- (b) Merisik dan mencari maklumat-maklumat mengenai rasuah dan penyalahgunaan kuasa untuk dikumpul dan

diproses dan seterusnya menentukan tindakan-tindakan positif yang patut diambil.

- (c) Menyiasat maklumat-maklumat dan tuduhan-tuduhan mengenai amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang sampai ke pengetahuan Biro dengan tujuan untuk menentukan samada salah ataupun tidak di sisi Undang-undang.
- (d) Mengadakan penyelidikan dari segi teknik penyiasatan, lantikan dan meninjau teknik-teknik dan idea-idea baru yang boleh membantu Biro di dalam menjalankan tugas-tugasnya.
- (e) Mengkaji dan memberi cadangan-cadangan kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun tentang cara membaiki sistem pentadbiran di badan-badan tersebut dengan tujuan utama menyekatkan dari berlakunya amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri memperhargai perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa amat tidak diingini dan sungguh merbahaya khasnya dalam sebuah negara yang sedang membangun seperti negara kita ini.

Ada masa-masanya hasil dari siasatan dan pengawasan oleh Biro Siasatan Negara itu dapat menolong mengujudkan kerja-kerja yang lebih cekap di setengah-setengah Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun, dan ini amatlah baik serta berfaedah kepada rakyat. Dari semasa ke semasa sambutan yang diberi oleh orang ramai terhadap Biro Siasatan Negara sangatlah mengalakan. Rakyat sedar bahawa kerja-kerja Biro Siasatan Negara banyak memberi faedah kepada mereka. Biro Siasatan Negara sekarang adalah dalam proses menambah bilangan pegawai-pegawainya untuk menjalankan kerja-kerja yang semakin banyak. Dalam masa labih kurang 10 minggu lagi, 100 orang pegawai baru akan mula bertugas dengan Biro Siasatan Negara sebagai tambahan kepada bilangan yang ada. Segala kesiapan-kesiapan sedang diatur oleh Biro Siasatan Negara untuk meluaskan lagi kegiatan-kegiatan mulai awal tahun 1979 untuk membentras rasuah dan penyalahgunaan kuasa dan ini dilakukan atas desakan orang

ramai supaya dapat diperlindungi dengan lebih berkesan kepentingan-kepentingan mereka. Sebagai satu cara menambah popularity dan kecekapan kerja, Biro Siasatan Negara antara lain telah mengambil langkah:

- (a) Menghantar pegawai-pegawainya ke negara-negara seberang laut untuk latihan.
- (b) Merapatkan perhubungan antara orang ramai dengan Biro Siasatan Negara dan memberi kesedaran kepada orang ramai bahawa Biro Siasatan Negara ujud bagi menjaga dan melindungi kepentingan-kepentingan mereka.
- (c) Mengadakan pembaharuan dalam sistem dan pembahagian kerja-kerja.
- (d) Sedang mengkaji Undang-undangnya untuk dikemukakan pindaan-pindaan mana yang difikirkan perlu bagi meningkatkan lagi kerja-kerjanya.

Untuk mencapai tujuan-tujuan yang saya sebutkan dan mencapai lebih banyak kejayaan di masa yang akan datang, maka Kementerian saya meminta peruntukan sebanyak \$9,950,200 untuk Biro Siasatan Negara. Saya yakin dengan peruntukan yang dipohonkan ini Biro Siasatan Negara bukan sahaja akan dapat mengurangkan dengan berkesannya amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa akan tetapi akan dapat juga memberi cadangan-cadangan yang membina bagi membaiki lagi sistem pentadbiran Kerajaan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Maksud B. 49, Jabatan Pemegang Amanah Raya, saya suka menyatakan bahawa seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ibu pejabat Jabatan Pemegang Amanah Raya ini terletak di Kula Lumpur dengan satu cawangan pejabat di tiap-tiap negeri dalam Malaysia.

Tugas-tugas utama Pemegang Amanah Raya adalah:

- (1) Mentadbir semua jenis pesaka simati.
- (2) Mentadbir amanah-amanah.
- (3) Menjadi pemegang amanah bagi berbagai jenis Amanah termasuk Amanah-amanah Unit (Unit Trusts).
- (4) Menjadi Penjaga harta musuh.

#### *Mentadbir Harta Pesaka Simati*

Harta pesaka simati adalah ditadbir di Pejabat-pejabat Cawangan oleh Pemegang Amanah Raya atas nama Pegawai Pentadbir Pesaka mengikut peruntukan-peruntukan Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 dan Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955 di Semenanjung Malaysia.

Harta pesaka simati yang ditadbir oleh Pegawai Pentadbir Pesaka terdiri daripada tiga jenis utama seperti berikut:

- (a) Harta pesaka biasa di bawah seksyen 81 dan 82 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959.
- (b) Pentadbiran ringkas (Summary administration) di bawah seksyen 83, Akta Probet dan Pentadbiran 1959.
- (c) Harta Pesaka kecil di bawah Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955.

Harta pesaka biasa di bawah seksyen 81 dan 82 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 melibatkan permohonan-permohonan untuk mendapatkan probet di dalam kes-kes di mana simati telah mati berwasiat dan untuk mendapatkan surat Mentadbir Pesaka dalam kes-kes di mana simati telah mati tanpa wasiat.

Pentadbiran ringkas di bawah seksyen 83 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 adalah suatu jenis pentadbiran yang khas di mana Pegawai Pentadbir Pesaka diberi kuasa mentadbir secara ringkas harta pesaka mana-mana simati yang kesemua hartanya terdiri daripada harta alih bernilai tidak lebih daripada \$50,000 dengan syarat tiada petisyen untuk mendapatkan Surat Mentadbir Pesaka berkenaan dengan harta pesaka itu saya masih belum diselesaikan di Mahkamah.

Harta pesaka kecil ialah harta pesaka seseorang simati yang kesemua atau sebahagiannya terdiri daripada harta takalih bernilai tidak lebih daripada \$50,000. Permohonan untuk pembahagian dan/atau Surat Mentadbir Pesaka adalah dibuat kepada Pemungut Hasil Tanah.

Di negeri Sabah, pentadbiran harta pesaka simati adalah tertakluk kepada Ordinan Probet dan Pentadbiran (Bab 109) dan di negeri Sarawak kepada Ordinan Pentadbiran Harta Pesaka (Bab 80).

Sehingga tarikh 31-12-1977, harta pesaka yang ditadbirkan adalah sebanyak 2,628 dengan jumlah nilainya \$63,520,544.80.

### *Pentadbiran Amanah*

Amanah-amanah yang diterima oleh Pemegang Amanah Raya adalah ditadbir di Ibu Pejabat di Kuala Lumpur di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950, Ordinan Pemegang Amanah, 1949 dan Akta Pelaburan Pemegang Amanah, 1965.

Wang-wang amanah yang berlebihan yang dipegang oleh Pemegang Amanah Raya dalam masa pentadbiran adalah dilaburkan dalam Kumpulanwang Bersama Pemegang Amanah Raya yang dikawal oleh suatu Lembaga bernama "Lembaga Pelaburan Pemegang Amanah Raya".

Sehingga sekarang, amanah yang ditadbirkan adalah sebanyak 15,796 dengan jumlah nilainya \$53,387.

### *Amanah Unit (Unit Trust)*

Tiga amanah unit baru dengan nilai modal sebanyak \$2,792,107.94 telah dilancarkan dalam tahun 1977. Satu unit lagi dilancarkan pada 24-10-1978 menjadikan jumlah bilangan amanah unit yang Pemegang Amanah Raya dilantik menjadi pemegang amanah sebanyak lapan belas. Unit yang ke 18 ini masih lagi dibuka untuk jualan.

Sebagai pemegang amanah bagi amanah unit, Jabatan Pemegang Amanah Raya menyediakan kemudahan bagi orang ramai, terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luarbandar, mengumpul wang mereka dan melaburkannya di dalam ekuiti-ekuiti di bawah pengurusan pakar dan dengan risiko yang minima. Selain daripada pertumbuhan modal, pelaburan-pelaburan ini memperolehi suatu pendapatan tetap bagi mereka pada tiap-tiap setengah tahun dan selanjutnya pelaburan-pelaburan ini disalurkan ke dalam perusahaan-perusahaan samada bagi memperbesarkan perusahaan-perusahaan yang sedia ada atau bagi menubuhkan perusahaan-perusahaan baru. Amanah unit memberi sumbangan untuk pertumbuhan ekonomi rakyat dan juga pertumbuhan ekonomi negara. Nilai bagi lapan belas amanah unit itu dijangka berjumlah \$106,966,000.

### *Penjaga Harta Musuh*

Bahagian Penjaga Harta Musuh adalah dalam proses penggulangan.

### *Wasi Wasiat (Executor of Wills)*

Pemegang Amanah Raya diberi kuasa oleh undang-undang untuk dilantik sebagai wasi dan pemegang amanah bagi apa-apa wasiat atau penyelesaian. Sehingga pada 31-12-1977, Pemegang Amanah Raya telah dilantik menjadi wasi bagi 929 wasiat. Pemegang Amanah Raya sanggup merangka wasiat dengan percuma bagi orang awam dan mentadbir harta mereka dengan syarat Pemegang Amanah Raya dilantik sebagai Wasi.

Bidang tugas Jabatan Pemegang Amanah Raya ini memanglah luas, akan tetapi oleh kerana kekurangan kakitangan maka perkembangan hanya dapat dibuat secara beransur-ansur. Bagi maksud ini peruntukan sebanyak \$1,910,500 adalah diperlukan.

Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan yang terakhir di bawah Kementerian saya ialah Maksud Bekalan B. 50 iaitu mengenai Jabatan Pemegang Harta.

Jabatan ini menguruskan pentadbiran harta siberhutang dan sibankrap di bawah Akta Kebankrapan, 1967, penggulangan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat, 1965, Pertubuhan-pertubuhan dan Kesatuan-kesatuan Sekerja di bawah Akta Pertubuhan 1965 dan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959, dengan tujuan utama untuk melindungi kepentingan-kepentingan sipiutang dan siberhutang. Tujuan undang-undang Kebankrapan kita adalah dua: membahagikan-bahagikan harta benda siberhutang dengan cara yang paling cepat, saksama dan ekonomi dan membebaskan-nya daripada tuntutan sipiutang-sipiutangnya selepas ia telah membuat penyerahan yang sepenuhnya akan segala hartanya.

Ibu Pejabatnya di Kuala Lumpur, di samping menjadi pusat pentadbiran bagi sepuluh cawangan di Semenanjung Malaysia, dua di Sabah dan Sarawak, adalah juga bertanggungjawab bagi mengawas kerja private liquidator dalam kes penggulangan secara sukarela (voluntary liquidation). Dalam hal kebangkrapan, penggulangan pertubuhan-pertubuhan dan kesatuan-kesatuan sekerja, Ketua Jabatan adalah dikenal sebagai Pegawai Pemegang Harta dan dalam hal Penggulangan Syarikat, ia adalah dikenali sebagai Pegawai Penerima.

Tujuan utama pentadbiran harta siberhutang/sibankrap ialah untuk membahagikan dengan saksama hartanya yang telah direalisasikan, di antara siputang-sipiutangnya menurut undang-undang. Kerja pentadbiran itu melibatkan fungsi-fungsi utama yang diperlukan oleh undang-undang seperti berikut:

- (a) mengawal harta siberhutang selepas penyiasaan;
- (b) memanggil dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat siputang;
- (c) memeriksa siberhutang dalam Mahkamah tentang urusan dan hal-ehwal mereka dan mendakwa mereka jika terdapat apa-apa kesalahan;
- (d) merealisasikan harta yang terletak pada Pegawai Pemegang Harta dan menguruskannya dengan seberapa yang praktik;
- (e) mengisytihar dan membahagikan dengan segera dividen-dividen ataupun faedah-faedah di antara siputang-sipiutang yang telah membuktikan piutang-piutang mereka selepas membayar belanja pentadbiran, fee dan piutang yang diutamakan.

Bilangan kes kebangkrutan terus bertambah dari setahun ke setahun dan jumlah bilangan kes pada akhir tahun 1977 adalah 4,972. Bilangan Syarikat-syarikat yang digulung secara paksa bertambah dari setahun ke setahun dan menjelang akhir tahun 1977, sebanyak 146 syarikat masih dalam peringkat penggulungan.

Dalam tempoh masa tujuh bulan bagi tahun 1978, Perintah Perhukuman telah dibuat terhadap 269 bankrap dan 30 buah syarikat terpaksa digulung atas perintah Mahkamah. Sebanyak 45 buah pertubuhan dan kesatuan sekerja terpaksa digulung oleh Jabatan ini kerana pendaftarannya telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Berkenaan dengan penggulungan sukarela, ada sebanyak 204 syarikat dalam peringkat penggulungan menjelang akhir tahun 1977.

Pegawai Pemegang Harta, yang dikenali di sini sebagai Pegawai Penerima, akan dilantik sebagai liquidator dalam kebanyakan kes di mana syarikat digulung oleh Mahkamah iaitu Penggulungan Paksa.

Di sini juga bilangan kes bertambah tiap-tiap tahun dan walaupun sebanyak 43 kes Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja telah diselesaikan dalam tahun 1977 masih ada sebanyak 165 lagi yang belum diselesaikan.

Bagi membolehkan Jabatan Pemegang Harta ini menjalankan tugas-tugasnya yang kian bertambah itu dengan sempurna, peruntukan sebanyak \$1,665,900 adalah diperlukan bagi tahun 1979.

Tuan Pengerusi, sekianlah serba sedikit keterangan-keterangan mengenai Kementerian ini, dan saya seterusnya memohon supaya peruntukan bagi Maksud B. 48, B. 49 dan juga B. 50 diluluskan.

**Tun Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 48, B. 49, dan B. 50 di bawah Kementerian Undang-undang sekarang terbuka untuk perbahasan.

6.10 *ptg.*

**Tuan P. Patto (Menglembu):** Tuan Pengerusi, ingin saya sentuh Maksud B. 48, Butiran 1100, Aktiviti (6)—Biro Siasatan Negara. Tuan Pengerusi, BSN telah ditubuhkan pada tahun 1973 untuk membasmi rasuah dan sebelum itu mulai tahun 1967 Badan Pencegah Rasuah telah menjalankan kegiatan-kegiatan untuk membasmi rasuah di tanahair kita. Rasuah adalah sama dengan penyakit barah (cancer) dan sekiranya kita tidak bertindak cekap dan tegas maka rasuah akan berjalan sama seperti pertumbuhan barah (cancerous growth).

Tuan Pengerusi, dalam pada itu saya sedar tentang laungan-laungan yang telah dibuat seringkali oleh pemimpin-pemimpin negara kita termasuk Perdana Menteri kita sendiri. Beliau pernah berkata bahawa Kerajaan tidak kira sama ada yang berasuah itu naga mahupun sang kancil, mereka akan juga ditangkap kalau berasuah. Soalnya sekarang adakah naga-naga yang berasuah itu semuanya sudah ditangkap dan dihukum ataupun hanya sang kancil-sang kancil sahaja yang ditangkap dan didakwa. Apakah sebabnya kita dapati hanya sang kancil-sang kancil dan ikan-ikan bilis sahaja yang sering ditangkap. Nampaknya naga-naga dan ikan-ikan yu sentiasa melepaskan diri daripada drag net B.S.N. Rakyat kini tertanya-tanya samada B.S.N. benar-benar bebas untuk bertindak seperti yang dituntut oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang tadi

semasa membentangkan belanjawan bagi Kementerian beliau, seperti menyiasat dan mendakwa ke atas tokoh-tokoh politik peringkat atasan dalam parti pemerintah? B.S.N. merupakan tidak berdaya untuk bertindak dengan bebas ke atas tokoh-tokoh politik yang hanya bertindak selepas mendapat isyarat lampu hijau (green light) dari pucuk pimpinan parti pemerintah. Ini berlaku kerana ia bukanlah sebenar-benarnya suatu badan bebas yang bukan di bawah mana-mana Kementerian.

Di sini saya syorkan supaya B.S.N. dijadikan bebas daripada mana-mana Kementerian atau Menteri, tetapi ia bertanggungjawab terus kepada Parlimen seperti Suruhanjaya Pilihanraya. Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa B.S.N. telahpun selama ini dianak-tirikan dalam peruntukan bagi perkembangan dan kegiatan-kegiatan dan ini telah menjadikan ia suatu badan yang tidak efektif kerana terdapat banyak kekurangan kakitangan di Jabatan itu. Baru sahaja Menteri Undang-undang mengumumkan bahawa 100 orang pegawai telah diambil dan dilatih tetapi adakah 100 pegawai ini diperuntukkan bagi tahun ini ataupun tahun yang sudah dan baru sahaja ia dilaksanakan? Inilah soalnya. Kita terdapat dalam beberapa kekurangan kakitangan di Jabatan-jabatan B.S.N. di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, apakah sebabnya Kerajaan enggan memandang berat terhadap masalah rasuah ini dan masalah kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan B.S.N. di pejabat-pejabatnya. Sekiranya Kerajaan benar-benar mahu membasmi rasuah maka kakitangan dan pegawai-pegawai terlatih perlulah dipertambahkan bagi B.S.N.

Dari angka-angka tentang maklumat rasuah yang telah diterima dalam tahun 1977 kita terdapat 6,910 maklumat yang diterima oleh B.S.N. tetapi malangnya hanya 924 kes telah disiasat, 192 orang ditangkap dan ini termasuk 79 orang kakitangan Kerajaan atau badan-badan berkanun. Tuan Pengerusi, dari angka ini (6,910 maklumat tentang rasuah yang telah diterima dalam tahun 1977) kita dapati rasuah memang sudah bermaharaja-lela. Dalam usaha-usaha Kerajaan untuk membasmi rasuah, saya ingin menarik perhatian Kementerian Undang-undang dan juga B.S.N. supaya yang pertama B.S.N. perlulah mengidentifikasi jabatan-jabatan di mana sering berlaku

rasuah. Kita memang sedar tentang kompleks-kompleks yang sering dibuat terhadap pegawai-pegawai dalam Pejabat-pejabat Tanah, dan R.I.M.V.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini banyak telah diperkatakan tentang tindak-tanduk yang dibuat oleh seorang pegawai tinggi iaitu Encik Hassan Ibrahim, Ketua Pengarah dalam Kementerian Pengangkutan. Tuan Pengerusi, apa yang menarik sekali ialah selepas tindak-tanduk yang keras yang dilakukan oleh Ketua Pengarah itu terdapat beberapa pegawai daripada R.I.M.V. telah meletakkan jawatannya dan ada yang meletakkan jawatannya dengan memberi notis 24 jam. Apakah sebab mereka meletakkan jawatan selepas tindak-tanduk atau tindakan keras yang diambil oleh Ketua Pengarah itu? Apakah ada udang di sebalik batu dalam tindakan mereka untuk meletakkan jawatan-jawatan? Inilah yang perlu B.S.N. siasat kerana saya rasa tentu ada sesuatu. Kalau tidak, tidak ada sebab mengapa mereka meletakkan jawatannya sehingga sanggup meletakkan jawatan dengan memberi notis 24 jam.

Tuan Pengerusi, memang masalah meletakkan jawatan adalah terpulang kepada seseorang pegawai, tetapi tentu ada sebarang perkara yang berkaitan dengan perletakan jawatan itu. Saya berharap B.S.N. boleh menyiasat perkara ini. Dan juga saya mengesyorkan B.S.N. janganlah hanya mempunyai jabatan di tiap-tiap negeri dan bandar-bandar besar dan menunggu orang menghantar maklumat atau datang memberi maklumat. Barangkali B.S.N. boleh menjarar akar-akar mereka ke Jabatan-jabatan khususnya Pejabat Tanah, Pejabat Pendaftaran, Imigresen dan R.I.M.V. di mana B.S.N. boleh mengubah, membayar elaun kepada pegawai-pegawai dari dalam supaya menjadi ejen kepada B.S.N. dan beliau boleh ditugaskan untuk mengawal rapi pegawai-pegawai di dalam jabatan yang berkenaan yang saya katakan tadi dan maklumat-maklumat bolehlah didapati daripada mereka. Mungkin B.S.N. boleh memberi elaun saguhati kepada pegawai-pegawai ini sepertimana yang dilakukan di beberapa buah negara seperti di Singapura. Dengan ini saya rasa boleh membantu usaha-usaha B.S.N. untuk membasmi rasuah.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini juga ingin saya sentuh tentang beberapa maklumat dalam masa-masa yang lampau yang telah diterima oleh B.S.N. tetapi telah diperkatakan oleh B.S.N. bahawa tidak ada bukti-bukti yang asas untuk B.S.N. bertindak.

Di sini ingin saya mengesyorkan kepada B.S.N. supaya menganggap segala maklumat yang diberi di dalam Dewan ini sebagai satu-satu maklumat yang rasmi dan melanjutkan penyiastannya terhadap maklumat yang telah diberi di dalam Dewan ini. Janganlah menunggu sehingga maklumat diberi secara "black dan white" dengan ditandatangani oleh orang yang membuat maklumat itu.

Tuan Pengerusi, ingin juga saya menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (3)—Prosecution Services. Kita sedar Menteri Undang-undang ialah juga Peguam Negara (Attorney-General) kita. Di sini ingin saya menarik perhatian Peguam Negara kita tentang beberapa kes di mana beberapa orang yang telah didakwa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (I.S.A.) tentang pemilikan senjata tanpa lesen. Di sini terdapat ramai orang yang dituduh di bawah I.S.A. dan dibawa ke Mahkamah telah didapati salah dan hukuman mati iaitu hukuman mandatory telah-pun dijatuhkan terhadap mereka.

Tuan Pengerusi, kita semua sedar dan Peguam Negara sendiri mengaku bahawa ada Undang-undang lain di mana mereka yang memiliki senjata tanpa lesen boleh didakwa. Soalnya sekarang samada mereka yang memiliki senjata-senjata itu sebenar-benarnya mereka yang mahu subvert atau mereka yang boleh dikatakan sebagai anasir-anasir subversive ataupun mereka hanya mahu mencari makan menggunakan senjata untuk merompak dan menyamun. Saya tidak menyokong perompak, penyamun, tetapi apa yang saya mahu ialah supaya keadilan ditegakkan. Kalau sekiranya didapati orang-orang yang memiliki senjata-senjata itu, bukannya mempunyai maksud untuk subvert tetapi hanya untuk merompak dan menyamun, saya berharap pihak Kementerian atau Peguam Negara mendakwa orang-orang ini di bawah Akta Senjata atau Akta Senjata (Increased Penalties), kerana itulah yang lebih sesuai. Tetapi nampaknya Kementerian beliau telah tersilap dalam perkara ini sehingga menjadikan seorang budak kecil pada tahun sudah

didakwa dan dihukum mati kerana hukuman yang diberi adalah mandatory, dan saya rasa Hakim pun tidak dapat membuat apa-apa kerana tuduhan dibuat di bawah I.S.A. Jadi perkara itu telah sedikit sebanyak merosakkan imej kita di dalam kalangan negara-negara luar. Di sini ingin saya sentuh bahawa tujuan Kementerian juga adalah untuk menegakkan Undang-undang di negara ini. Kalau inilah tujuannya maka Undang-undang hendaklah ditegakkan, dan Undang-undang hendaklah dilaksanakan dengan secara adil.

Tuan Pengerusi, kita terdapat lebih kurang 64 orang yang telah didapati salah di bawah I.S.A. kerana memiliki senjata-senjata tanpa lesen dan mereka kesemuanya dihukum mati, digantung. Dan saya difahamkan bahawa 64 orang ini sekarang adalah menunggu beberapa kes rayuan yang ada di Privy Council, England tentang Undang-undang kita sendiri samada Undang-undang kita ini mempunyai kuat-kuasa untuk mendakwa mereka, samada Essential Security Regulations adalah satu Undang-undang yang dibuat menurut kuasa-kuasa yang ada pada kita. Saya dapati bahawa Kerajaan memang mengatakan bahawa Undang-undang Essential Security Regulations ini adalah dibuat daripada kuasa-kuasa yang diperuntukkan dalam Emergency ordinance. Tetapi soalnya sekarang ialah Emergency Ordinance itu sendiri telah dipersoalkan dan saya difahamkan rayuan adalah dibuat terhadap validity Ordinance itu sendiri di Privy Council. Apa keputusan akan diberi, Tuan Pengerusi, saya tidak akan sentuh, tetapi saya berharap kepada Menteri Undang-undang yang juga menjadi Peguam Negara supaya jangan melanjutkan kes-kes seperti ini iaitu kes-kes yang melibatkan orang-orang yang dituduh memiliki senjata di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tetapi menunggu . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup.

**Tuan P. Patto:** Boleh sambung besok?

**Tuan Pengerusi:** Sepuluh minit sudah habis.

**Tuan P. Patto:** Sepuluh minit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Sudah lebih.

**Tuan P. Patto:** Satu minit boleh? Saya akan menggulung sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.28 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan bagi Kementerian Undang-undang ini, saya hanya menyentuh Maksud P. 49, Aktiviti (3)—Bahagian Pesaka.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$1,219,500 untuk menyelesaikan pesaka bagi pesaka-pesaka si mati dan kelebihan pada tahun 1979 ini sebanyak \$64,760 berbanding dengan tahun 1978. Sebenarnya peruntukan ini perlu ditambah kerana memandangkan beban kerja oleh pentadbir pesaka ini nampaknya bertambah dari setahun ke setahun. Kalau kita lihat dalam tahun 1977 sahaja, baki daripada tahun 1976 sebanyak 2,495 kes pesaka yang tidak diselesaikan dan dalam tahun 1977 diterima sebanyak 1,415 kes tetapi yang diselesaikan dalam tahun 1977 ialah 1,283 kes. Kes yang bertambah pada tahun 1977 adalah lebih besar berbanding dengan kes yang telah diselesaikan dalam tahun 1977. Jadi bagi tahun 1979 ini, beban kerja pentadbir pesaka ini dijangka bertambah menjadi 4,128 kes dengan nilai sebanyak \$75,020,545 tetapi jangkaan selesai hanya 600 kes sahaja. Ini membuktikan bahawa bagi pentadbiran pesaka ini iaitu bahagian Jabatan Amanah Raya mempunyai beberapa kekurangan,

mungkin kekurangan pegawai yang efficient atau kekurangan pegawai atau lain-lain, tetapi kalau kes pesaka ini bertambah pada tiap-tiap tahun dan penyelesaian yang sedikit bagi tiap-tiap tahun itu, ini adalah menyusahkan rakyat kerana waris-waris yang berhak untuk menerimanya akan tidak dapat menerima habuan yang sepatutnya.

Jadi implikasi daripada kelambatan ini timbullah masalah tidak puas hati, juga masalah pesaka itu akan menjadi rumit dan lebih-lebih lagi perbalahan akan timbul di antara waris-waris; dan juga jika pesaka itu melibatkan tanah, maka tanah itu tidak dapat diusahakan atau dimajukan. Kalau dapat dimajukan pesaka itupun dapat dibolot oleh pihak yang berkuasa atau waris yang kuat sahaja. Dalam penyelesaian pesaka sebanyak 4,128 ini, saya rasa adakah termasuk pesaka kecil ataupun tidak, tetapi nampaknya dalam penyelesaian pesaka kecil juga didapati rakyat bersungut bahawa banyak kes-kes yang tidak dapat diselesaikan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau Ahli Yang Berhormat suka, boleh menyambung esok. Esok perbincangan akan disambung di bawah Kementerian ini.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, 30hb November, 1978 jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*